- 26** Rajah menunjukkan lima kad berlainan huruf.



Hitung bilangan cara yang berlainan untuk menyusun semua kad itu dalam satu baris jika

- (a) tiada syarat dikenakan, (Jwp : 120)
- (b) kad pertama dan kad terakhir adalah huruf konsonan. (Jwp : 36)


[3 markah] [2016, No.3]

Jawapan :

(a)

(b)

27 Rajah menunjukkan enam kad yang mempunyai huruf berbeza.



Cari bilangan susunan bagi semua huruf jika

- (a) tiada syarat dikenakan, (Jwp : 720)
- (b) huruf P dan A tidak bersama-sama. (Jwp : 480)

[Ramalan] [4 markah]

Jawapan :

(a)

(b)

28 Berapakah nombor lima digit dapat dibentuk daripada digit 0, 2, 5, 8, dan 9 tanpa ulangan jika setiap nombor berakhir dengan digit 9?


(Jwp : 18)

[Ramalan] [3 markah]

Jawapan :

- ⇒ **Menentukan bilangan pilih atur bagi n objek yang berbeza diambil r objek pada satu masa.**
- ⇒ **Menentukan bilangan pilih atur bagi n objek yang berbeza diambil r objek pada satu masa dengan syarat-syarat tertentu.**

29 Rajah menunjukkan 5 huruf dan 3 angka.




Suatu kod hendak dibentuk menggunakan huruf-huruf dan angka-angka tersebut. Setiap kod mesti mengandungi 3 huruf diikuti dengan 2 angka. Berapa banyak kod boleh dibentuk jika tiada huruf atau angka diulangi dalam setiap kod ?

(Jwp : 360)

[3 markah] [2003, No.22]

Jawapan :

- 30 Rajah menunjukkan tujuh keping kad huruf.



Suatu kod empat huruf hendak dibentuk dengan menggunakan empat daripada kad-kad itu. Cari

- (a) bilangan kod empat huruf yang berlainan yang dapat dibentuk, (Jwp : 840)
 (b) bilangan kod empat huruf yang berlainan yang berakhir dengan huruf konsonan. (Jwp : 480)
 [4 markah] [2006, No.22]

Jawapan :

- (a) (b)

- 31 Rajah menunjukkan enam keping kad nombor.



Suatu nombor empat digit hendak dibentuk dengan menggunakan empat daripada kad-kad ini. Berapa banyak

- (a) nombor yang berlainan yang dapat dibentuk ? (Jwp : 360)
 (b) nombor ganjil yang berlainan yang dapat dibentuk ? (Jwp : 240)
 [4 markah] [2008, No.23]

Jawapan :


- (a) (b)

MINDA :

- Bilangan pilih atur bagi n objek yang berlainan apabila r objek dipilih pada satu masa:

$${}^n P_r = \frac{n!}{(n-r)!}, \text{ dengan keadaan } r \leq n.$$

- 32 Rajah menunjukkan tujuh keping kad huruf.



Suatu kod lima huruf hendak dibentuk dengan menggunakan lima daripada kad-kad itu. Cari

- (a) bilangan kod lima huruf yang berlainan yang dapat dibentuk, (Jwp : 2520)
 (b) bilangan kod lima huruf yang berlainan yang bermula dengan huruf vokal dan berakhir dengan huruf konsonan. (Jwp : 600)
 [4 markah] [2011, No.23]

Jawapan :

- (a) (b)

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

- 33 Berapakah nombor empat digit dapat dibentuk daripada digit 0, 2, 4, 6, dan 8 jika ulangan tidak dibenarkan?

(Jwp : 96) [2 markah] [*Ramalan*]

Jawapan :

- 34 Berapa banyak nombor yang lebih besar daripada 5000 dapat dibentuk daripada nombor 3, 4, 5, 6 and 9 tanpa ulangan.

(Jwp : 192) [3 markah]

[*Ramalan*]

Jawapan :

- 35 Cari bilangan nombor antara 1500 dan 5000 dapat dibentuk daripada digit 1, 2, 4, 5, 7, and 8 jika setiap digit diguna sekali sahaja.

(Jwp : 156)

[4 markah] [*Ramalan*]

Jawapan :

- 36 Rajah menunjukkan lima keping kad dengan nombor-nombor berlainan.

1 2 3 4 5

- (a) Berapakah nombor berlainan boleh dibentuk dengan menggunakan semua atau sebahagian kad itu? (Jwp : 325) [2 markah]

- (b) Berdasarkan (a), berapakah nombor itu adalah genap ? (Jwp : 130) [4 markah]

[*Ramalan*]


Jawapan :

(a)

(b)

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

37 Rajah menunjukkan enam keping kad nombor.



Suatu nombor empat digit hendak dibentuk dengan menggunakan empat daripada kad-kad ini. Berapa banyak

(a) nombor ganjil berlainan yang lebih besar daripada 7000 dapat dibentuk ? (Jwp : 120)

(b) nombor ganjil berlainan yang kurang daripada 6600 dapat dibentuk ? (Jwp : 90)

[4 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

(a)

(b)

38 Rajah menunjukkan satu kod laluan empat digit '0131' yang telah ditetapkan oleh San pada telefon pintarnya.




Dia hendak menetapkan semula kod laluan dengan keadaan kod laluan baharu itu tidak boleh mengandungi digit 1 diikuti oleh digit 3. Berapakah bilangan kod laluan berbeza yang dapat dibentuk?

(Jwp: 9701)

[3 markah] [2019, No.22]

Jawapan :

39 Rajah menunjukkan jarring kuib yang dibentuk oleh Atana.



Dia ingin mewarnakan permukaan kuib yang dilabel dengan huruf A, B, C dan D dengan menggunakan warna Pelangi yang berlainan. Cari bilangan cara untuk mewarnakan empat permukaan jika

- (a) warna merah mesti digunakan. (Jwp : 480)
(b) warna merah, hijau dan biru mesti digunakan. (Jwp : 96)

[4 markah] [Ramalan]

Jawapan :

- (a) (b)

40 Sebuah rak buku boleh menyimpan 6 buku sahaja.

- (a) Cari bilangan susunan untuk meletakkan 6 daripada 10 buku yang berbeza di rak buku. (Jwp : 151200)
(b) Cari bilangan susunan tersebut dengan keadaan dua buku tertentu mesti diletakkan bersebelahan antara satu sama lain. (Jwp : 16800)

[4 markah] [Ramalan]

Jawapan :

(a)

(b)

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

- 41 (a) Cari bilangan cara 5 orang disusun dalam 6 tempat duduk dalam satu barisan.
(Jwp : 720) [1 markah]
- (b) Di dalam sebuah bilik yang mengandungi 9 tempat duduk, 4 tempat duduk berada dalam barisan pertama, manakala 5 tempat duduk berada dalam baris kedua. Cari bilangan susunan bagi 8 orang dalam 9 tempat duduk itu jika tiga orang tertentu mesti berada dalam baris pertama. (Jwp : 17280) [3 markah]

[**Ramalan**]

Jawapan :

(a)

(b)

- 42 Rajah menunjukkan dua baris kerusi. Terdapat 4 kerusi pada barisan pertama, dan 3 kerusi pada barisan kedua.



Sekumpulan orang yang terdiri daripada 2 kanak-kanak, 1 pasangan suami-isteri, dan 4 orang dewasa. Cari bilangan cara untuk menyusun mereka pada 7 kerusi tersebut, jika

- (a) pasangan suami-isteri dan 2 kanak-kanak mesti duduk pada barisan yang sama. (Jwp : 576)
- (b) 2 kanak-kanak mesti duduk pada barisan yang sama. (Jwp : 12960)

[5 markah] [**Ramalan**]


Jawapan :

(a)

(b)

⇒ **Menentukan bilangan susunan bagi n objek diambil r objek pada satu masa, apabila ulangan dibenarkan.**

- 43 Rajah menunjukkan satu kod laluan empat digit '0131' yang telah ditetapkan oleh San pada telefon pintarnya.



Dia hendak menetapkan semula kod laluan dengan keadaan kod laluan baharu itu tidak boleh mengandungi digit 1 diikuti oleh digit 3, tanpa menggunakan digit yang sama. Berapakah bilangan kod laluan berbeza yang dapat dibentuk?

(Jwp: 4872)

[3 markah] [Ramalan]

Jawapan :


- 44 Kira bilangan nombor empat digit yang mempunyai digit yang berulang.

(Jwp : 4464)

[3 markah] [Ramalan]

Jawapan :

45 Rajah menunjukkan enam keping kad nombor.



Suatu nombor empat digit hendak dibentuk dengan menggunakan empat daripada kad-kad ini. Jika kad yang dipilih akan diganti dengan kad lain yang sama nombor, berapa banyak

- (a) nombor yang berlainan yang dapat dibentuk ? (Jwp : 1080)
 - (b) nombor ganjil yang berlainan yang dapat dibentuk ? (Jwp : 720)
 - (c) nombor ganjil berlainan yang lebih besar daripada 7000 dapat dibentuk ? (Jwp : 432)
 - (d) nombor ganjil berlainan yang kurang daripada 5500 dapat dibentuk ? (Jwp : 192)
- [7 markah][**Ramalan**]

Jawapan :

- (a) (b)

- (c) (d)

⇒ **Penyelesaian masalah**

46 Rajah menunjukkan tujuh keping kad huruf.

M I N E R A L

Lima kad dipilih secara rawak untuk membentuk satu kod.

Cari bilangan kod yang mungkin dibentuk, yang mengandungi sekurang-kurangnya 3 huruf konsonan disusun bersebelahan. (Jwp : 720) [3 markah]

[**Ramalan**]

Jawapan :

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

- 47 Lima huruf dalam perkataan "**KEJITUAN**" digunakan untuk membentuk satu kod. Cari bilangan kod berlainan yang boleh dibentuk jika kod itu
- (a) mengandungi 4 vokal, (Jwp : 480) [2 markah]
 - (b) bermula dengan vokal dan berakhir dengan konsonan, (Jwp : 1920) [2 markah]
 - (c) mengandungi 2 vokal dan salah satu daripadanya berada di tengah-tengah kod tersebut. (Jwp : 1152) [2 markah]

Jawapan :

- (a) (c)

(b)

⇒ **Menentukan bilangan pilih atur bagi n objek yang melibatkan objek secaman, dan terhadap kepada satu syarat.**

- 48 Berapakah kod dapat dibentuk dengan menggunakan semua huruf 'CEMERLANG' ? (Jwp : 181440) [2 markah]

Jawapan :

- 49 Cari bilangan susunan yang mungkin jika huruf-huruf dari perkataan 'STATISTIK' disusun dalam satu barisan. (Jwp : 15120) [2 markah]

Jawapan :

- 50 Cari bilangan nombor ganjil tujuh digit yang dapat dibentuk daripada semua nombor 7, 2, 4 dan 8, dengan semua nombor kecuali 7 digunakan dua kali. (Jwp : 90) [2 markah]

Jawapan :

51 Rajah menunjukkan lima kad berlainan huruf.

B O L O H

Hitung bilangan cara yang berlainan untuk menyusun semua kad itu dalam satu baris jika

- (a) tiada syarat dikenakan, (Jwp : 60)
(b) huruf O dan L sentiasa Bersama-sama. (Jwp : 18)

[3 markah] [Ramalan]

Jawapan :

(a)

(b)

MINDA :

- Bilangan pilih atur bagi n objek yang melibatkan objek secaman:

$\frac{n!}{a!b!c!...}$, dengan keadaan $a,b,c,...$ ialah bilangan objek bagi setiap objek secaman

52 Rajah menunjukkan lima kad berlainan huruf.

B O L O L

Hitung bilangan cara yang berlainan untuk menyusun semua kad itu dalam satu baris jika

- (a) tiada syarat dikenakan, (Jwp : 30)
(b) kad pertama dan kad terakhir adalah huruf konsonan. (Jwp : 9)


[3 markah] [Ramalan]

Jawapan :

(a)

(b)

53 Rajah menunjukkan tujuh kad dengan huruf yang berbeza.



Hitung bilangan cara untuk Menyusun semua kad dalam satu barisan jika

- (a) tiada syarat dikenakan
- (b) huruf vocal sentiasa berasingan.


(Jwp : 420)
(Jwp : 12)
[3 markah] [Ramalan]

Jawapan :

- (a)
- (b)

⇒ *menyelesaikan masalah melibatkan pengiraan bilangan laluan melalui grid.*

54 Rajah menunjukkan laluan bagi suatu objek bergerak dari titik *P* ke titik *Q*.




Jika objek itu hanya boleh bergerak ke atas atau ke kiri, cari bilangan laluan terpendek bagi objek itu bergerak dari titik *P* ke titik *Q*.

(Jwp : 56)

[2 markah] [Ramalan]

Jawapan :

55 Seorang boleh melangkah ke arah timur atau utara.




Cari bilangan laluan terpendek yang boleh diambil dari P ke R , melalui Q .

(Jwp : 300)
[3 markah] [Ramalan]

Jawapan :

56 Suatu objek hanya boleh bergerak ke arah barat atau selatan.




Cari bilangan laluan bagi objek itu bergerak dari titik P ke titik Q .

(Jwp : 192)
[3 markah] [Ramalan]

Jawapan :

57 Rajah menunjukkan laluan bagi suatu objek bergerak dari titik 'Start' ke titik 'Finish'.



Jika objek itu hanya boleh bergerak ke bawah atau ke kanan, cari bilangan laluan bagi objek itu bergerak dari titik 'Start' ke titik 'Finish'.

(Jwp : 558)

[3 markah] [Ramalan]

Jawapan :

⇒ *menentukan bilangan pilih atur bagi n objek diambil r objek pada satu masa, melibatkan objek secaman dan terhad kepada satu syarat.*

58 Rajah menunjukkan sebelas kad berhuruf.

M	A	T	H	E	M	A	T	I	C	S
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

Sebuah kod empat huruf akan dibentuk dengan menggunakan kad-kad tersebut. Cari bilangan kod empat huruf berbeza yang boleh dibentuk. (Jwp : 2454)

[3 markah] [Ramalan]

Jawapan :

59 Rajah menunjukkan 16 kad bernombor.

1	1	2	2	2	3	3	4	4	4	5	6	7	7	8	9
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

Cari bilangan nombor empat digit yang dapat dibentuk.

(Jwp : 4828)

[3 markah] [Ramalan]

Jawapan :

60 Rajah menunjukkan tujuh keping kad huruf.

K H I A M A T

Suatu kod lima huruf hendak dibentuk dengan menggunakan lima daripada kad-kad itu. Cari

(a) bilangan kod lima huruf yang berlainan yang dapat dibentuk, (Jwp : 1320)

(b) bilangan kod lima huruf yang berlainan yang bermula dengan huruf vokal dan berakhir dengan huruf konsonan. (Jwp : 372)

[4 markah] [Ramalan]

Jawapan :

(a)

(b)

61 Rajah menunjukkan tujuh keping kad huruf.

M I N E R A R

Lima kad dipilih secara rawak untuk membentuk satu kod. Jika kad yang dipilih akan diganti dengan kad lain yang sama huruf, cari bilangan kod yang mungkin dibentuk, yang mengandungi sekurang-kurangnya 3 huruf konsonan disusun bersebelahan.

(Jwp : 360)

[3 markah] [*Ramalan*]

Jawapan :

⇒ *menentukan bilangan pilih atur bagi n objek berbeza dalam suatu bulatan.*

⇒ *menentukan bilangan pilih atur bagi n objek berbeza dalam suatu bulatan dengan syarat tertentu, terhadap kepada satu syarat.*

62 7 orang duduk pada suatu meja bulat.

(a) Cari bilangan cara untuk menyusun mereka. (Jwp : 720)

(b) Cari bilangan cara untuk menyusun mereka, jika dua orang tertentu mesti duduk bersebelahan. (Jwp : 240)

[4 markah] [*Ramalan*]

Jawapan :

(a) (b)

63 10 orang duduk pada suatu meja bulat. Cari bilangan cara untuk menyusun mereka jika

(a) kedudukan salah satu mereka sudah ditentukan. (Jwp : 362880)

(b) tiga orang tertentu mesti duduk bersebelahan. (Jwp : 30240)

[4 markah] [*Ramalan*]

Jawapan :

(a) (b)

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

- 64 Cari bilangan cara bagi 6 orang duduk pada suatu meja bulat, jika dua orang tertentu tidak boleh duduk bersebelahan. (Jwp : 72)

[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- 65 5 lelaki dan 5 perempuan duduk pada suatu meja bulat. Cari bilangan cara untuk menyusun mereka jika semua lelaki mesti duduk bersebelahan. (Jwp : 2880)

[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

MINDA :

- Bilangan pilih atur membulat bagi n objek yang berlainan:

$$\frac{n!}{n} = \frac{n(n-1)!}{n} = (n-1)!$$

- 66 Terdapat 3 orang lelaki dan 3 orang perempuan. Tentukan bilangan cara untuk menyusun keenam-enam mereka untuk duduk di sebuah meja bulat jika sekurang-kurangnya 2 orang perempuan duduk bersama-sama. (Jwp: 108)

[5 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

67 Terdapat 4 orang lelaki dan 2 orang perempuan. Tentukan bilangan cara untuk menyusun keenam-enam mereka untuk duduk di sebuah meja bulat jika:

- (a) tiada syarat dikenakan, (Jwp: 120)
(b) 2 orang perempuan mesti duduk bersama-sama, (Jwp: 48)
(c) 2 orang perempuan mesti duduk berasingan. (Jwp: 72)
[5 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- (a)

(b) (c)

68 Empat keluarga, P , Q , R , S mempunyai 3, 3, 2, 2 ahli masing-masing. Jika semua ahli keluarga tersebut duduk pada sebuah meja bulat dan mereka dari keluarga yang sama mesti duduk bersebelahan, cari bilangan cara untuk menyusun kedudukan mereka. (Jwp : 864)

[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

⇒ **menentukan bilangan susunan bagi n objek yang berbeza pada suatu cincin, rantai, gelang atau kalung berbentuk bulatan.**

69 Cari bilangan cara untuk mengumpul 11 manik yang berlainan warna untuk membentuk suatu kalung mainan.

(Jwp :
1814400)
[2 markah]
[**Ramalan**]

Jawapan :

MINDA :

- Bilangan susunan bagi n objek yang berbeza untuk membentuk suatu cincin bulat = $\frac{(n-1)!}{2}$
(tidak melibatkan ikut arah jam atau lawan arah jam, sebab kedua-dua adalah sama)

70 Terdapat 8 manik yang berlainan warna.

(a) Cari bilangan cara untuk Menyusun manik pada suatu meja bulat.

(Jwp : 5040)

(b) Cari bilangan manik dililit pada suatu cincin bulat.

(Jwp : 2520)

[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

(a)

(b)

⇒ *menentukan bilangan pilih atur bagi n objek yang berbeza diambil r objek pada satu masa, dan disusun dalam suatu bulatan.*

71 Sekumpulan 9 kanak-kanak bertanding untuk 8 kerusi yang disusun dalam bentuk bulatan semasa permainan kerusi muzik. Kanak-kanak perlu bergerak ikut arah jam mengelilingi kerusi. Cari bilangan susunan bagi permainan ini.

(Jwp : 45360)

[2 markah]

[**Ramalan**]

Jawapan :

72 Nicole membeli 10 pokok muda yang berbeza untuk menghias taman mini di rumah. Dia hanya dapat menanam 6 pokok dalam suatu bulatan disebabkan ruang yang terhad. Cari bilangan cara bagi Nicole menanam pokok-pokok muda tersebut.

(Jwp : 25200)

[2 markah]

[**Ramalan**]

Jawapan :

- 73 Terdapat 4 orang lelaki dan 3 orang perempuan. Tentukan bilangan cara untuk menyusun keenam-enam mereka untuk duduk di sebuah meja bulat jika:
- (a) tiada syarat dikenakan, (Jwp: 840)
 - (b) 2 orang perempuan mesti duduk bersama-sama, (Jwp: 480)
 - (c) 2 orang perempuan mesti duduk berasingan. (Jwp: 360)

[5 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

(a)

(b)

(c)

MINDA :

- Bilangan pilih atur membulat bagi n objek yang berlainan apabila r objek dipilih pada satu masa:

$$\frac{{}^n P_r}{r}, \text{ dengan keadaan } r \leq n.$$

⇒ *menentukan bilangan pilih atur bagi n objek yang berbeza diambil r objek pada satu masa, pada suatu cincin, rantai, gelang atau kalung berbentuk bulatan.*

- 74 Juliet membeli 11 manik yang berlainan warna. Dia ingin membuat satu gelang. Juliet menyedari bahawa dia hanya memerlukan 8 manik. Cari bilangan cara untuk membuat gelang tersebut.
(Jwp : 415800)

[2 markah]

[**Ramalan**]

Jawapan :

- 75 Terdapat 10 butir manik yang berlainan warna. Berapakah bilangan cara untuk membuat seutas gelang jika
- (a) tiada syarat dikenakan, (Jwp : 181440)
 - (b) hanya 8 butir manik akan digunakan. (Jwp : 113400)

[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

(a)

(b)

MINDA :

- Bilangan pilih atur membulat bagi n objek yang berlainan apabila r objek dipilih pada satu masa:

$$\frac{{}^n P_r}{2r}, \text{ dengan keadaan } r \leq n.$$

\Rightarrow *menentukan bilangan pilih atur bagi n objek melibatkan objek secaman, pada suatu bulatan.*

- 76 Huruf-huruf daripada perkataan “ DAYANG ” disusun di sekeliling suatu bulatan. Cari bilangan susunan yang mungkin
(Jwp : 60)

[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- 77 Terdapat 2 manik merah, 2 manik biru dan 1 manik hijau. Cari bilangan cara untuk menyusun mereka dalam bulatan.

(Jwp : 6)

[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- 78 13 tangkai bunga terdiri daripada 3 bunga merah, 4 bunga biru, dan yang lain ialah bunga putih. Bunga-bunga tersebut disusun pada suatu meja bulat. Hitung bilangan cara untuk menyusun bunga-bunga tersebut.

(Jwp :
4620)

[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

MINDA :

- Bilangan susunan bagi n objek berbeza yang melibatkan objek secaman, pada suatu bulatan.

$$= \frac{(n-1)!}{a!b!c! \dots}, \text{ dengan keadaan } a, b, c, \dots \text{ ialah bilangan objek secaman bagi setiap jenis}$$

4.2 Gabungan

- 4.2.1 Membanding beza pilih atur dan gabungan.
4.2.2 Menentukan bilangan gabungan r objek dipilih daripada n objek yang berbeza pada satu masa.
4.2.3 Menyelesaikan masalah yang melibatkan gabungan dengan syarat tertentu.
-
-

- 79** (a) Nyatakan nilai bagi ${}^n C_0$.
- (b) Tiga orang murid akan dipilih daripada 5 orang murid lelaki dan 4 orang murid perempuan untuk menyertai suatu pertandingan. Cari bilangan cara yang berbeza untuk memilih peserta jika :
- (i) ketiga-tiga ialah murid lelaki, (Jwp : 10)
(ii) seorang murid lelaki dan dua orang murid perempuan dipilih. (Jwp : 30)
- [3 markah] [2015, No.21]

Jawapan :

(a)

(b) (i) (ii)

- 80** Satu pasukan bahas terdiri daripada 5 orang pelajar. Pasukan 5 orang pelajar itu dipilih daripada 4 ketua darjah, 2 penolong ketua darjah dan 6 pengawas. Hitungkan bilangan cara yang berlainan pasukan itu boleh dibentuk jika
- (a) tiada syarat dikenakan, (Jwp: 792)
(b) pasukan itu mengandungi hanya 1 ketua darjah dan tepat 3 pengawas. (Jwp: 160)
- [4 markah] [2005, No.22]

Jawapan :

(a) (b)

- 81** (a) Nyatakan nilai bagi ${}^n P_1 - {}^n C_1$. [1 markah] [Ramalan]
- (b) Terdapat 6 biji gula-gula, setiap satu berlainan perisa, yang dibahagikan sama banyak antara 2 orang kanak-kanak. Cari bilangan cara yang berlainan pembahagian gula-gula itu dapat dilakukan. (Jwp : 20) [3 markah] [2010, No.23]

Jawapan :

(a) (b)

MINDA :

- Bilangan gabungan bagi r objek dipilih dari n objek yang berbeza (tanpa mempertimbangkan kedudukan atau susunan) = ${}^n C_r = \frac{n!}{(n-r)!r!} = \frac{{}^n P_r}{r!}$, where $r \leq n$.

82 Satu pasukan badminton terdiri daripada 7 orang pelajar. Pasukan itu akan dipilih daripada sekumpulan 8 orang pelajar lelaki dan 5 orang pelajar perempuan. Carikan bilangan pasukan yang boleh dibentuk supaya setiap pasukan itu mempunyai

- (a) 4 pelajar lelaki, (Jwp: 700)
(b) tidak lebih daripada 2 pelajar perempuan. (Jwp: 708)

[4 markah] [2003, No.23]

Jawapan :

- (a) (b)

83 (a) Nyatakan nilai bagi ${}^n C_n$. [1 markah] [Ramalan]

(b) Dalam sebuah kotak terdapat 10 biji guli yang berlainan warna. Cari

- (i) bilangan cara 3 biji guli boleh dipilih dari kotak itu, (Jwp: 120)
(ii) bilangan cara sekurang-kurangnya 8 biji guli boleh dipilih dari kotak itu. (Jwp: 56)

[4 markah] [2012, No.23]

Jawapan :

- (a)
(b) (i) (ii)

84 Satu kumpulan 5 orang murid hendak dipilih daripada 9 orang murid lelaki dan 7 orang murid perempuan untuk membentuk satu pasukan debat sekolah. Cari bilangan cara berbeza untuk membentuk pasukan itu yang mengandungi


- (a) murid perempuan sahaja, (Jwp: 21)
(b) sekurang-kurangnya 4 orang murid lelaki. (Jwp: 1008)

[4 markah] [2014, No.23]

Jawapan :

- (a) (b)

85 Rajah menunjukkan suatu oktagon sama sisi.




Dengan menggunakan bucu-bucu polygon, cari bilangan

- (a) garis lurus yang dapat dilukis, [PETUNJUK ~ pilih 2 titik] (Jwp : 28)
- (b) segitiga yang dapat dilukis, [PETUNJUK ~ pilih 3 titik] (Jwp : 56)
- (c) segiempat yang dapat dilukis. [PETUNJUK ~ pilih 4 titik] (Jwp : 70)
[4 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- (a)
- (b)
- (c)

86 Rajah menunjukkan 12 titik ditandakan pada dua baris yang selari.



Baris pertama mempunyai tiga titik, iaitu *A*, *B*, dan *C*. Baris kedua mempunyai 9 titik. Segitiga akan dibentuk dengan menggabungkan titik-titik tersebut. Cari bilangan segi tiga yang boleh dibentuk jika

- (a) tiada syarat dikenakan. (Jwp : 135) [2 markah]
- (b) (i) titik *B* dan titik *C* merupakan bucu-bucu segitiga tersebut. (Jwp : 9) [2 markah]
- (ii) titik *A* merupakan salah satu bucu segitiga tersebut. (Jwp : 54) [2 markah]
[**Ramalan**]

Jawapan :

- (a)
- (b) (i)
- (ii)

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

- 87 Dengan menggunakan gabungan, cari bilangan pepenjur yang boleh dilukis dalam suatu polygon cembung 9 sisi.
(Jwp : 27)

[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- 88 Terdapat 9 titik pada suatu satah. Tiada titik berada pada satu garis lurus kecuali 4 titik collinear. Berapakah garis lurus dapat dibentuk daripada 9 titik tersebut?
(Jwp : 31)

[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- 89 Dalam suatu pertandingan ping-pong, berapakah set beregu campuran dapat disusun dari 4 lelaki dan 4 perempuan?
(Jwp : 72)

[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- 90 Terdapat 6 lelaki dan 8 perempuan pemain badminton. Berapakah pertandingan beregu campuran yang berbeza dapat diadakan?
[PETUNJUK ~ pilih 2 lelaki dan 2 perempuan] (Jwp : 840)

[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- 91 Jeovy mempunyai 6 bunga yang berbeza. Berapakah banyak sejambak yang berbeza dapat dibentuk? (Jwp : 63)

[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

92 Suatu ujian Matematik terdiri daripada dua bahagian. Bilangan soalan pada bahagian A ialah 5, dan bilangan soalan pada bahagian B ialah 4. Cari bilangan cara bagi seorang murid untuk menjawab soalan-soalan ujian jika murid mesti menjawab:

(a) sebarang 6 soalan, (Jwp : 84)

(b) 4 soalan dari bahagian A dan 2 soalan dari bahagian B. (Jwp : 30)

[4 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

(a) (b)

93 Sekumpulan 20 penyelamat mangsa gempa bumi suka rela akan dibentuk. Terdapat 8 doktor, 10 jururawat dan 12 pekerja suka rela. Cari bilangan cara bagi kumpulan tersebut dapat dibentuk jika

(a) 3 doktor, 6 jururawat dan 11 pekerja diperlukan, (Jwp : 141120)

(b) sekurang-kurangnya 2 doktor diperlukan. (Jwp : 30032464)

[4 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

(a) (b)

94 Satu pasukan badminton terdiri daripada 5 orang lelaki dan 5 orang perempuan. Pasukan tersebut akan dipilih daripada 8 orang lelaki dan 9 orang perempuan. Cari bilangan pasukan yang dapat dibentuk supaya

(a) seorang lelaki dan perempuaun yang tertentu mesti dipilih, (Jwp : 2450)

(b) dua perempuan tertentu sama ada kedua-dua mereka dipilih atau tidak. (Jwp : 3136)

[4 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

(a) (b)

95 Satu jawatankuasa yang mengandungi 5 ahli akan dipilih daripada 8 orang lelaki dan 7 orang perempuan. Cari bilangan jawatankuasa yang dapat dibentuk jika lelaki adalah majoriti.

(Jwp : 1722)

[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

96 Suatu parcel yang mengandungi 4 item dipilih daripada 7 buku dan 5 pen. Cari bilangan parcel berbeza yang dapat disediakan supaya setiap parcel mengandungi

- (a) 1 buku sahaja, (Jwp : 70)
(b) buku dan pen, dengan keadaan tidak melebihi dua pen. (Jwp : 385)

[4 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- (a) (b)

97 Sebuah kereta Kenari boleh menampung 1 pemandu dan 3 orang dewasa. Cari bilangan pilihan berbeza dapat dibuat daripada 3 orang lelaki dan 4 orang perempuan jika

- (a) tiada syarat dikenakan kepada kedudukan, (Jwp : 35)
(b) pemandu mesti seorang lelaki. (Jwp : 60)

[4 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- (a) (b)

98 SM St. Peter Telipok dipertanggungjawabkan untuk menganjurkan suatu pertandingan bola baling antara sekolah. Didapati bahawa 12 pasukan mengambil bahagian dalam pertandingan itu. Dalam pusingan pertama, 12 pasukan itu dibahagikan kepada 3 kumpulan yang sama rata. Pusingan pertama dijalankan dengan setiap pasukan dalam suatu kumpulan diwajibkan bertanding dengan pasukan-pasukan lain dalam kumpulan yang sama. Cari

- (a) bilangan cara 12 pasukan itu dapat dibahagikan kepada 3 kumpulan. (Jwp : 34650) [2 markah]
(b) bilangan pertandingan yang perlu dijalankan dalam pusingan pertama. (Jwp : 18) [2 markah]

[**Ramalan**]

Jawapan :

- (a) (b)

99 Satu jawatankuasa terdiri daripada 3 orang ahli hendak dibentuk daripada 4 pasangan suami isteri. Cari bilangan cara untuk membentuk jawatankuasa itu jika

(a) jawatankuasa itu mempunyai hanya seorang wanita, (Jwp : 24)

(b) suami isteri tidak boleh dipilih bersama-sama sebagai ahli-ahli jawatankuasa itu. (Jwp : 32)

[4 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

(a)

(b)

⇒ **Pilih Atur + Gabungan**

100 Seorang jurulatih ingin memilih 5 orang pemain yang terdiri daripada 2 orang lelaki dan 3 orang perempuan untuk membentuk satu pasukan badminton. 5 orang pemain itu dipilih daripada sekumpulan 4 orang lelaki dan 5 orang perempuan.

(a) bilangan cara pasukan itu dibentuk, (Jwp: 60)

(b) bilangan cara menyusun ahli pasukan itu dalam satu baris untuk satu sesi bergambar, jika ketiga-tiga pemain perempuan duduk bersebelahan antara satu sama lain. (Jwp: 36)

[4 markah] [**2007, No.23**]

Jawapan :

(a)

(b)

101 Rajah menunjukkan satu perkataan tujuh huruf.

C	L	U	S	T	E	R
---	---	---	---	---	---	---

(a) Cari bilangan cara yang berlainan untuk menyusun semua huruf dalam satu baris. (Jwp : 5040)

(b) Empat huruf akan dipilih daripada perkataan itu. Cari bilangan cara untuk memilih empat huruf itu yang terdiri daripada 3 konsonan. (Jwp : 20)

[3 markah] [**2013, No.23**]

Jawapan :

(a)

(b)

102 Dahlia mempunyai sebuah kedai barangan perhiasan rumah. Pada suatu hari, Dahlia menerima 14 set cawan daripada seorang pembekal. Setiap set mengandungi 6 biji cawan yang berlainan warna.

- (a) Dahlia memilih 3 set cawan secara rawak untuk diperiksa. Cari bilangan cara yang berlainan yang digunakan oleh Dahlia untuk memilih set-set cawan itu. (Jwp : 364)
- (b) Dahlia mengambil satu set cawan untuk dipamerkan dengan menyusunnya secara sebaris. Cari bilangan cara yang berlainan cawan-cawan itu boleh disusun dengan keadaan cawan berwarna biru tidak diletak bersebelahan cawan berwarna merah. (Jwp : 480)

[4 markah] [2017, No.22]

Jawapan :

(a)

(b)

103 Jadual menunjukkan bilangan murid perempuan yang diperlukan untuk mengurus tiga buah gerai pada hari karnival sekolah.

<i>Jenis-jenis gerai</i>	Makanan	Minuman	Permainan
<i>Bilangan murid yang diperlukan</i>	4	2	3

Pada hari tersebut, 9 murid telah ditugaskan untuk mengurus gerai-gerai tersebut.

- (a) Berapakah cara berbeza murid-murid itu boleh untuk ditugaskan? (Jwp : 1260)
- (b) Pihak sekolah ingin memberi ganjaran kepada murid-murid itu. Seorang murid dipilih secara rawak sebagai ketua dalam kalangan mereka untuk mengetuai semua penerima. Ketua yang telah dipilih serta ahli kumpulannya akan mendahului penerimaan diikuti dengan dua kumpulan yang lain. Murid-murid dari kumpulan yang sama berbaris bersama-sama. Berapakah bilangan cara berbeza murid-murid itu boleh disusun? (Jawapan : 1728)

[4 markah] [2020, No.23]

Jawapan :

(a)

(b)

104 Seorang guru ingin memilih 7 orang murid yang terdiri daripada 3 orang lelaki dan 4 orang perempuan untuk membentuk jawatankuasa bagi kelab Sains dan Matematik. 7 murid itu dipilih daripada 5 orang lelaki dan 6 orang perempuan. Cari bilangan cara

- (a) jawatankuasa itu dapat dibentuk, (Jwp : 150)
- (b) jawatankuasa itu dapat disusun pada suatu meja bulat jika 4 orang perempuan duduk bersebelahan antara satu sama lain (Jwp : 144)

[4 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- (a) (b)

LATIHAN BERTERUSAN

105 Enam orang A, B, C, D, E, F duduk dalam satu barisan. Jika F duduk di sebelah kanan E , tetapi E dan F tidak boleh duduk bersebelahan, cari bilangan cara untuk menyusun kedudukan mereka.


(Jwp : 240)

[3 markah]

[**Ramalan**]

Jawapan :

106 Suatu objek hanya boleh bergerak ke atas atau ke kanan.



Cari bilangan laluan terpendek bagi objek itu bergerak dari A ke B , melalui 'shortcut' itu. (Jwp : 18)

[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

107 10 orang telah dijemput ke suatu majlis. Cari bilangan cara mereka boleh duduk pada satu meja bulat supaya dua orang tertentu duduk di sebelah tuan rumah.

(Jwp : 80640)

[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

108 Jika bilangan pilih atur linear bagi n objek berbeza adalah enam kali bilangan pilih atur bulatan bagi objek-objek tersebut, cari bilangan pilih atur bulatan bagi objek-objek tersebut.

(Jwp : 120)

[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :


109 Cari bilangan nombor lapan digit yang dapat dibentuk daripada semua nombor 0, 2, 3, 3, 4, 4, 5, dan 6, tanpa ulangan.

(Jwp : 8820)

[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

110 Rajah menunjukkan tujuh kad yang bernombor.



Nombor lima digit akan dibentuk dengan menggunakan kad-kad tersebut tanpa ulangan.

(a) Berapakah nombor genap boleh dibentuk?

(Jwp : 1260)

(b) Berapakah nombor in (a) yang lebih besar daripada 40000?

(Jwp : 840)

[4 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

(a)

(b)

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

- 111 Berapakah nombor empat digit yang boleh dibahagi oleh 4 dapat dibentuk daripada 0, 1, 2, 3, 4, dan 5, tanpa ulangan. [PETUNJUK ~ 2 digit terakhir boleh dibahagi oleh 4]
(Jwp : 72)

[3 markah] [**Ramalan**]


Jawapan :

- 112 Berapakah nombor lima digit yang boleh dibahagi oleh 25 dapat dibentuk daripada 0, 1, 2, 3, 4, 5, dan 6 tanpa ulangan. [PETUNJUK ~ 2 digit terakhir ialah 00 atau boleh dibahagi oleh 25] (Jwp : 320)

[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- 113 Rajah menunjukkan suatu grid.



Cari bilangan segiempat yang dapat dicari dalam rajah jika

- (a) tiada syarat dikenakan, [PETUNJUK ~ pilih 2 menegak dan 2 melintang] (Jwp : 60)
(b) titik *E* merupakan salah satu bucu segiempat. (Jwp : 12)

[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- (a) (b)

TABURAN KEBARANGKALIAN




- ONE PAGE NOTE (OPN) - LEMBARAN KERJA

Puan Jamaliah Mohd Elmi

NOTA ONE PAGE (dengan pengekodan)
“ TABURAN KEBARANGKALIAN ”

$$P(|z| < a) = P(-a < z < a) = 1 - 2P(z > a)$$


$$P(|z| > a) = P(z < -a) + P(z > a) = 2P(z > a)$$




TABURAN BINOMIAL

$X \sim B(n, p) \rightarrow X$ pemboleh ubah rawak diskret ; $X = 0, 1, 2, 3, 4, 5, \dots, n$

$P(X=r) = {}^n C_r p^r q^{n-r} \sim r =$ bilangan berjaya ($r = 0, 1, 2, 3, \dots, n$)



- $\sim n =$ bilangan percubaan
- $\sim p =$ kebarangkalian berjaya ($0 < p < 1$)
- $\sim q =$ kebarangkalian gagal ($q = 1 - p$ @ $p + q = 1$)



$$P(X=0) + P(X=1) + P(X=2) + P(X=3) + \dots + P(X=n) = 1$$

② $\hookrightarrow P(X < 2) = P(X=0) + P(X=1)$

③ $\hookrightarrow P(X \geq 2) = 1 - P(X=0) - P(X=1)$

- min bagi $X, \mu = np$
- varians bagi $X, \sigma^2 = npq$
- sisihan piawai bagi $X, \sigma = \sqrt{npq}$

$${}^n C_0 = 1, {}^n C_n = 1 ; {}^n C_1 = n ; a^0 = 1$$

$$\Rightarrow {}^n C_r = \frac{n!}{(n-r)!r!} \Rightarrow {}^n C_r = {}^n C_{n-r}$$

$$\Rightarrow n! = n \times (n-1) \times (n-2) \times \dots \times 3 \times 2 \times 1$$

Cari n(A) & n(S) [cari nilai kebarangkalian dulu]

$$P(A) = \frac{n(A)}{n(S)}$$

Catatan :

- \Rightarrow kurang / kecil daripada ($<$)
- \Rightarrow selebih-lebihnya, tidak lebih drpd, maksimum (\leq)
- \Rightarrow lebih / besar daripada ($>$)
- \Rightarrow sekurang-kurangnya, tidak kurang drpd, minimum (\geq)

kalkulator fx-570MS

mode ; **mode** ; **1** ;
shift ; **3**


$R \sim >, \geq$ & $P \sim <, \leq$

TABURAN NORMAL


$X \sim N(\mu, \sigma^2) \rightarrow X$ pemboleh ubah selanjar ; $X < a, X > a, a < X < b, \dots$

Taburan normal, $X \sim N(\mu, \sigma^2)$


Taburan normal piawai, $Z \sim N(0, 1)$



Cari Kebarangkalian [diberi skor-x, tukar kepada skor-z, cari nilai kebarangkalian]



$P(-\infty < z < \infty) = 1$ $P(z > 0) = 0.5$ $P(z > a) = R(a)$ $P(z < a) = P(a)$



$P(a < Z < b) = P(Z > a) - P(Z > b)$ $P(a \leq Z \leq b) = P(Z < b) - P(Z < a)$ $P(a < Z \leq b) = 1 - P(Z < a) - P(Z > b)$ $P(-a \leq Z < a) = 1 - 2P(Z > a)$

Cari skor-x [dpt nilai kebarangkalian, dpt skor-z yg sepadan, selesai]

• $P(x > k) = 0.4$ **« CONTOH »** • $P(x > k) = 0.87$
 $P(z > \frac{k-\mu}{\sigma}) = 0.4$ $P(z < \frac{k-\mu}{\sigma}) = 0.13$
 $\sim P(z > \underline{0.253}) = 0.4$ [dari jadual] $\sim P(z > \underline{1.127}) = 0.13$ [dari jadual]
 $\frac{k-\mu}{\sigma} = 0.253$ $\frac{k-\mu}{\sigma} = -1.127$

TOPIK : TABURAN KEBARANGKALIAN

RUMUS TABURAN BINOMIAL

1. $P(X = r) = {}^n C_r p^r q^{n-r}$
2. Mean / Min, $\mu = np$
3. $\sigma = \sqrt{npq}$

RUMUS TABURAN NORMAL

$$Z = \frac{X - \mu}{\sigma}$$

TABURAN BINOMIAL

1. Kebarangkalian bahawa hujan akan turun pada suatu hari tertentu ialah $\frac{3}{5}$. Cari kebarangkalian bahawa dalam suatu minggu tertentu, hujan akan turun
 - (a) tepat 4 hari,
 - (b) lebih daripada 5 hari.

[(a) 0.2903; (b) 0.1586]

2. Kebarangkalian mendapat sebiji oren busuk dari sebuah kotak ialah 0.2. Christina memilih 6 biji oren. Hitung kebarangkalian bahawa
 - (a) hanya sebiji oren itu busuk.
 - (b) semua oren itu elok.

[(a) 0.3932; (b) 0.2621]

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

3. Dalam satu laporan, 54% rakyat Malaysia membeli kereta buatan tempatan. Jika 8 orang rakyat Malaysia yang baru membeli kereta dipilih secara rawak, cari kebarangkalian bahawa
- (a) Sekurang-kurangnya 2 orang daripada mereka membeli kereta tempatan.
 - (b) lebih daripada 6 orang daripada mereka membeli kereta tempatan.

[(a) 0.9792; (b) 0.05650]

4. Di dalam sebuah kawasan perumahan, 7 daripada 10 keluarga memiliki sebuah kereta. Jika satu sampel 8 keluarga dipilih, cari kebarangkalian bahawa bilangan keluarga yang memiliki sebuah kereta ialah
- (a) tepat 5 keluarga,
 - (b) sekurang-kurangnya 2 keluarga.

[(a) 0.2541; (b) 0.9987]

5. Dalam satu kajian, didapati 25% daripada mentol di sebuah kedai tertentu telah rosak. Cari kebarangkalian bahawa daripada 10 biji mentol,
- (a) tepat 3 biji mentol rosak,
 - (b) lebih daripada 8 biji mentol berada dalam keadaan yang baik.

[(a) 0.2503; (b) 0.2440]

6. Kebarangkalian Bob akan menang dalam suatu pertandingan catur ialah $\frac{3}{4}$. Jika dia bermain 5 perlawanan, hitung kebarangkalian bahawa dia akan menang
- (a) tepat empat perlawanan.
 - (b) lebih dari tiga perlawanan.

7. Kebarangkalian sebuah bas akan tiba lewat di sekolah ialah 0.15. Cari kebarangkalian bahawa dalam 5 hari persekolahan tertentu, bas itu akan lewat
- [(a) 0.3955 ; (b) 0.6328]
- (a) 2 hari.
 - (b) sekurang-kurangnya sekali

8. Kebarangkalian tembakan seorang penembak mengenai sasaran ialah 0.8. Jika dia melepaskan 9 das tembakan, cari kebarangkalian bahawa tembakannya akan mengenai sasaran
- [(a) 0.1382 ; (b) 0.5563]
- (a) tepat 8 kali.
 - (b) sekurang-kurangnya 8 kali.

[(a) 0.3020 ; (b) 0.4362]

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

9. Di sebuah syarikat tertentu, didapati bahawa 3 daripada 20 orang pekerja yang dipilih secara rawak mempunyai insurans nyawa. Jika terdapat 600 orang pekerja di syarikat itu, jangkakan bilangan pekerja yang mempunyai insurans nyawa. Seterusnya, tentukan varians dan sisihan piawainya.

[90; 76.5; 8.746]

10. Suatu pemboleh ubah rawak diskret X bertaburan binomial, iaitu $X \sim B(n, p)$ dengan min 45 dan sisihan piawai 3. Cari nilai n dan p .

[$n = 56; p = 0.8$]

11. Suatu pemboleh ubah rawak diskret $X \sim B(120, 0.4)$. Cari min dan sisihan piawainya.

[48; 5.367]

12. Jika X ialah pemboleh ubah rawak Binomial, $X \sim B(5, 0.45)$, cari
- min, varians dan sisihan piawai bagi X .
 - $P(X = 4)$ dan $P(X > 3)$.

[(a) 2.25, 1.2375, 1.1124 ; (b) 0.1128, 0.1313]

13. Diberi bahawa X ialah pemboleh ubah rawak Binomial dengan min dan sisihan piawainya masing-masing ialah 4 and $\sqrt{3}$, hitungkan $P(X = 0)$.

[0.01002]

14. Diberi $X \sim B(n, 0.2)$. Jika $P(X = 3) = P(X = 4)$, cari nilai bagi n , dan seterusnya, hitungkan $P(X = 0)$.

[Hint : Use ${}^nC_3 = \frac{n(n-1)(n-2)}{3 \times 2 \times 1}$ dan ${}^nC_4 = \frac{n(n-1)(n-2)(n-3)}{4 \times 3 \times 2 \times 1}$]

[$n = 19, 0.01441$]

15. Terdapat 5 000 orang penduduk di sebuah kampung. Didapati bahawa 8 daripada 10 orang penduduk kampung itu memiliki jalur lebar di rumahnya. Cari min, varians dan sisihan piawai bagi bilangan penduduk yang memiliki jalur lebar di rumahnya.

[4 000; 800; 28.28]

16. Dalam suatu kajian, didapati bahawa 3 daripada 5 orang lelaki dewasa gemar menonton perlawanan bola sepak. Jika 1 000 orang lelaki dewasa dipilih secara rawak, cari min dan sisihan piawai bagi bilangan lelaki dewasa yang gemar menonton perlawanan bola sepak.

[600; 15.49]

17. Dalam suatu permainan, peserta perlu meneka bilangan guli dalam sebuah botol. Kebarangkalian memperoleh tekaan yang tepat ialah p .
- (a) Cari nilai p dan bilangan kali tekaan supaya min dan varians masing-masing ialah 36 dan 14.4.
- (b) Jika peserta membuat lapan kali tekaan, cari kebarangkalian bahawa empat kali tekaan adalah tepat.

[(a) 0.6 , 60 ; (b) 0.2322]

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

18. 80% daripada murid sebuah sekolah meminati mata pelajaran Sains. Suatu sampel yang terdiri daripada n orang murid dipilih secara rawak dari sekolah itu.
- (a) Jika kebarangkalian bahawa semua murid minat mata pelajaran Sains ialah 0.1342, cari nilai n .
 - (b) Berdasarkan jawapan di (a), cari kebarangkalian bahawa kurang daripada tiga orang murid minat mata pelajaran Sains.

[(a) 9 ; (b) 3.139×10^{-4}]

19. 7 orang pelajar di sebuah universiti tempatan memohon biasiswa yaysan negeri masing-masing. Kebarangkalian bahawa setiap pelajar akan berjaya mendapat biasiswa ialah $\frac{1}{3}$. Cari kebarangkalian bahawa
- (a) semua pelajar berjaya mendapat biasiswa,
 - (b) hanya dua orang pelajar berjaya mendapat biasiswa,
 - (c) selebih-lebihnya dua orang pelajar mendapat biasiswa.

[(a) $\frac{1}{2187}$; (b) 0.3073; (c) 0.5707]


TABURAN NORMAL

INOVASI TAB 4Y

PANDUAN MENGGUNAKAN TEKNIK 'TAB 4Y' UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH YANG MELIBATKAN KEBARANGKALIAN BAGI TABURAN NORMAL.


Cara 1: Diberi X , cari kebarangkalian P .

Dari Kiri Ke Kanan – Guna Kalkulator

LANGKAH 1	LANGKAH 2	LANGKAH 3	LANGKAH 4
X	Z	< Graf >	$P(X \leq x)$ atau $P(X \geq x)$
Tuliskan nilai pemboleh ubah rawak selanjar (Bacaan normal)	Cari nilai skor-z menggunakan rumus $Z = \frac{X - \mu}{\sigma}$	 Lakar graf loceng, tandakan kawasan	Cari kebarangkalian dengan menggunakan kalkulator.

Cara 2: Diberi kebarangkalian, P , cari skor- Z atau X .

Dari Kanan ke Kiri - Baca Sifir Taburan Normal

LANGKAH 4	LANGKAH 3	LANGKAH 2	LANGKAH 1
X	Z	< Graf >	$P(X \leq x)$ atau $P(X \geq x)$
Cari nilai pemboleh ubah rawak selanjar X menggunakan rumus $Z = \frac{X - \mu}{\sigma}$	Cari nilai skor-z menggunakan sifir Taburan Normal Piawai, rujuk graf yang dilakar.	 Lakar graf loceng, tandakan kawasan	Tuliskan kebarangkalian yang diberi dalam soalan.



HAK CIPTA : JAMALIAH BINTI MOHD. ELMI, SMK TAMPARULI, SABAH. 2019. 016-6636529.

Contoh

Markah yang diperoleh sekumpulan pelajar bertaburan secara normal dengan min 45 dan varians 36.

- (a) Jika seorang pelajar dipilih secara rawak, hitung kebarangkalian bahawa markahnya adalah kurang daripada 48.
- (b) Diberi bahawa 35% pelajar mendapat markah lebih daripada k markah, cari nilai k .

Penyelesaian : $\mu = 45, \sigma = 6$ (use calculator)

(a)	$X \rightarrow Z \rightarrow \text{Graf} \rightarrow P(X < 48)$		
	48	$Z = \frac{48 - 45}{6} = 0.5$	 = 0.6915
(b)	$X \leftarrow Z \leftarrow \text{Graf} \leftarrow P(X > k)$		
	$0.385 = \frac{k - 45}{6}$ $k = 47.31$	0.385	 0.35

[(a) 0.6915 ; (b) $k = 47.31$]

20. Markah yang diperoleh murid-murid dalam suatu ujian bertaburan secara normal dengan min 72 yang dan sisihan piawai 15. Jika seorang murid dipilih secara rawak, cari kebarangkalian bahawa markah yang diperolehnya adalah
- (a) kurang daripada 68.
 - (b) antara 69 dan 78.

[(a) 0.3947]; (b) 0.2347]

21. Umur bagi 80 00 orang penduduk di sebuah bandar bertaburan secara normal dengan min 45 tahun dan varians 36 tahun².
- (a) Hitung kebarangkalian bahawa umur seorang penduduk yang dipilih secara rawak adalah lebih daripada 48 tahun.
 - (b) Anggarkan bilangan penduduk yang berumur melebihi 40 tahun.

[(a) 0.3085 ; (b) 63806]

22. Jangka hayat sejenis bateri bertaburan secara normal dengan min 150 jam dan varians 25 jam.
- (a) Cari kebarangkalian bahawa sebiji bateri yang dipilih secara rawak mempunyai jangka hayat antara 140 jam dan 148 jam.
 - (b) Diberi 10% daripada bateri itu mempunyai jangka hayat lebih daripada x jam. Cari nilai x .

[(a) 0.3218 ; (b) 156.4]

23. Berat bagi sekumpulan pelajar bertaburan secara normal dengan min 56 kg dan sisihan piawai 8 kg.

- (a) Cari berat bagi seorang pelajar jika skor piawai bagi berat pelajar itu ialah 1.75.
- (b) Jika seorang pelajar dipilih secara rawak, cari kebarangkalian bahawa pelajar itu mempunyai berat melebihi 63 kg.

[(a) $X = 70$; (b) 0.1908]

24. Jangka hayat bagi mentol yang dihasilkan oleh sebuah kilang pada suatu hari bertaburan secara normal dengan min 60 jam dan sisihan piawai 12 jam.

- (a) Cari peratus mentol yang mempunyai jangka hayat yang melebihi 75 jam.
- (b) Jika 85 mentol mempunyai jangka hayat yang melebihi 75 jam, cari jumlah mentol yang dihasilkan oleh kilang itu pada hari tersebut (kepada integer terdekat).

[(a) 10.56% ; (b) 805]

25. Skor bagi 14 500 calon dalam satu peperiksaan ditaburkan secara normal dengan min 58 dan sisihan piawai 16.

- (a) Jika skor minimum untuk mendapat cemerlang ialah 70, anggarkan bilangan calon yang cemerlang dalam peperiksaan itu.
- (b) Jika 5 800 calon mendapat skor lebih daripada h , cari nilai bagi h .

[(a) 3286 ; (b) $h = 62.05$]

[*Aktiviti penerokaan yang melibatkan pengoptimuman perlu dijalankan*]

7.2 Aplikasi Pengaturcaraan Linear ~ 7 Jam

7.2.1 Menyelesaikan masalah yang melibatkan pengaturcaraan linear secara graf.

[*Istilah kekangan, rantau tersaur, fungsi objektif dan nilai optimum perlu dilibatkan*]

(B) Pengaturcaraan Linear → Asas




1 Lakar dan lorek rantau yang memenuhi ketaksamaan yang diberikan dalam setiap yang berikut.

(a) $y \leq x, x + y < 4, 2y \geq x$

(b) $y + x < 5, x + y > 4, 2y \geq x$

(c) $y \leq x + 3, 2y > x, x + y \geq 7$

2 Tulis ketaksamaan-ketaksamaan linear yang mentakrifkan rantau berlorek dalam setiap yang berikut:



Jwp:

- (a) $x + y \leq 7, 4y > 28 - 7x, y > 2$
- (b) $x \leq 4, y \leq x, x + y \geq 5$
- (c) $x + y \leq 6, x + y > 4, 3y \geq 2x$

- 3 Tulis tiga ketaksamaan selain $x \geq 0$ dan $y \geq 0$ yang memenuhi semua kekangan di bawah:

Harga sebuah buku tulis ialah RM0.80 dan harga sebatang pensil ialah RM1.20. Siti membeli x buah buku tulis dan y batang pensil.

I: Sekurang-kurang 5 batang pensil dibeli.

II: Jumlah bilangan buku tulis dan pensil yang dibeli selebih-lebihnya 13.

III: Wang yang dibelanjakan adalah tidak melebihi RM10.00.

[Jwp: $y \geq 5, x + y \leq 13, 2x + 3y \leq 25$]

Jawapan :

- 4 Tulis empat ketaksamaan selain $x \geq 0$ dan $y \geq 0$ yang memenuhi semua kekangan di bawah:

Harga sebiji oren ialah RM1.80 dan harga sebiji epal ialah RM1.20. Fatimah membeli x biji oren dan y biji epal.

I: Sekurang-kurang 8 biji oren dibeli.

II: Jumlah bilangan oren dan epal yang dibeli kurang daripada 20 biji.

III: Bilangan epal yang dibeli melebihi dua kali bilangan oren yang dibeli.

IV: Wang yang dibelanjakan adalah selebih-lebihnya RM48.00.

[Jwp: $x \geq 8, x + y < 20, y > 2x, 3x + 2y \leq 80$]

Jawapan :

- 5 Tulis tiga ketaksamaan selain $x \geq 0$ dan $y \geq 0$ yang memenuhi semua kekangan di bawah:

Sebuah kedai roti menjual dua jenis roti, iaitu roti M dan roti N . Sebuku roti M berharga RM1.90 manakala sebuku roti N berharga RM1.60. Bilangan roti M dan roti N yang dijual masing-masing ialah x buku dan y buku.

I: Jualan roti M adalah selebih-lebihnya RM95.

II: Jumlah bilangan roti yang dijual adalah kurang daripada 460 buku.

III: Jumlah jualan dua jenis roti itu adalah sekurang-kurangnya RM250.

[Jwp: $x \leq 50, x + y < 460, 19x + 16y \geq 2500$]

Jawapan :

- 6 Tulis tiga ketaksamaan selain $x \geq 0$ dan $y \geq 0$ yang memenuhi semua kekangan di bawah:

Ali mempunyai sebilangan duit syiling yang bernilai RM90. Dia mempunyai sekurang-kurangnya RM15 duit syiling 10 sen dan sekurang-kurangnya RM40 duit syiling 50 sen. Bilangan duit syiling 50 sen adalah melebihi dua kali bilangan duit syiling 10 sen. Bilangan duit syiling 10 sen ialah x keping dan bilangan duit syiling 50 sen ialah y keping.

[Jwp: $x \geq 15, y \geq 40, y > 2x$]

Jawapan :

(C) Pengaturcaraan Linear → 10 markah

⇒ **Bahagian C**

- 7 Gunakan kertas graf untuk menjawab soalan ini.

Yahya mempunyai peruntukan sebanyak RM225 bagi membeli x kg udang dan y kg ikan. Jumlah jisim kedua-dua barangan itu tidak kurang daripada 15 kg. Jisim udang adalah selebih-lebihnya tiga kali jisim ikan. Harga 1 kg udang ialah RM9 dan harga 1 kg ikan ialah RM5.

- (a) Tuliskan tiga ketaksamaan selain $x \geq 0$ and $y \geq 0$ yang memenuhi semua syarat di atas.
(Jwp : $x + y \geq 15$; $y \geq \frac{1}{3}x$; $9x + 5y \leq 225$) [3 markah]
- (b) Seterusnya, dengan menggunakan skala 2 cm kepada 5 kg pada kedua-dua paksi, bina dan lorekkan rantau R yang memenuhi semua syarat di atas. [4 markah]
- (c) Jika Yahya membeli 10 kg ikan, berapakah baki maksimum peruntukannya itu?
(Jwp : 130) [3 markah]
[2003, No.14]

Jawapan :

8 *Gunakan kertas graf untuk menjawab soalan ini.*

Suatu pejabat pendidikan daerah bercadang mengadakan kursus pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Kursus itu akan dihadiri oleh x peserta Matematik dan y peserta Sains. Pemilihan peserta adalah berdasarkan kekangan berikut:

- I. Jumlah peserta sekurang-kurangnya 40 orang.
 - II. Bilangan peserta Sains selebih-lebihnya dua kali bilangan peserta Matematik.
 - III. Peruntukan maksimum untuk perbelanjaan kursus tersebut ialah RM7200. Perbelanjaan untuk seorang peserta Matematik ialah RM120 manakala perbelanjaan untuk seorang peserta Sains ialah RM 80.
- (a) Tuliskan tiga ketaksamaan selain, $x \geq 0$ and $y \geq 0$, yang memenuhi semua kekangan di atas .
(Ans : : $x + y \geq 40$; $y \leq 2x$; $3x + 2y \leq 180$) [3 markah]
- (b) Seterusnya, dengan menggunakan skala 2 cm kepada 10 orang peserta pada kedua-dua paksi, bina dan lorekkan rantau R yang memenuhi semua kekangan di atas. [3 markah]
- (c) Dengan menggunakan graf anda dari (b), carikan
- (i) bilangan maksimum dan minimum peserta Matematik apabila bilangan peserta Sains ialah 10 orang. (*Jwp*: $x_{\text{minimum}} = 30$, $x_{\text{maksimum}} = 53$)
 - (ii) kos minimum untuk mengadakan kursus tersebut. (*Jwp* : 3760)

[4 markah]
[2004, No.14]

Jawapan :

9 *Gunakan kertas graf untuk menjawab soalan ini.*

Sebuah institusi menawarkan dua kursus komputer, P dan Q. Bilangan peserta bagi kursus P ialah x orang dan bilangan peserta bagi kursus Q ialah y orang. Pengambilan peserta tidak melebihi 100 orang:

- I. Jumlah peserta tidak melebihi 100 orang.
 - II. Bilangan peserta kursus Q tidak melebihi 4 kali bilangan peserta kursus P.
 - III. Bilangan peserta kursus Q mesti melebihi bilangan peserta kursus P sekurang-kurang 5 orang .
- (a) Tuliskan tiga ketaksamaan selain $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memenuhi semua kekangan di atas.
(Ans : : $x + y \leq 100$; $y \leq 4x$; $y - x \geq 5$) [3 markah]
- (b) Dengan menggunakan skala 2 cm kepada 10 orang peserta pada kedua-dua paksi, bina dan lorekkan rantau R yang memenuhi semua kekangan di atas. [3 markah]
- (c) Dengan menggunakan graf anda dari (b), carikan
- (i) julat bilangan peserta bagi kursus Q jika bilangan peserta kursus P ialah 30 orang.
(Jwp: $35 \leq y \leq 70$)
 - (ii) jumlah yuran maksimum sebulan yang boleh dikutip jika yuran sebulan bagi kursus P dan kursus Q masing-masing ialah RM50 dan RM60. (Jwp : 5800)

[4 markah]
[2005, No.14]

Jawapan :

10 *Gunakan kertas graf untuk menjawab soalan ini.*

Sebuah bengkel perabot menghasilkan dua jenis rak, P dan Q. Penghasilan setiap rak melibatkan dua proses, iaitu membuat dan mengecat, jadual menunjukkan tempoh masa yang diambil untuk proses membuat dan mengecat seunit rak P dan seunit rak Q.

Rak	Tempoh masa (minit)	
	Membuat	Mengecat
P	60	30
Q	20	40

Bengkel itu menghasilkan x unit rak P dan y unit rak Q sehari. Penghasilan rak sehari adalah berdasarkan kekangan berikut :

- I. Jumlah masa maksimum untuk membuat kedua-dua rak adalah 720 minit.
 - II. Jumlah masa untuk mengecat kedua-dua rak adalah sekurang-kurangnya 360 minit.
 - III. Nisbah bilangan rak P kepada bilangan rak Q adalah sekurang-kurang 1 : 3.
- (a) Tulis tiga ketaksamaan, selain $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memenuhi semua kekangan di atas.
(Ans : : $3x + y \leq 36$; $3x + 4y \geq 36$, $y \leq 3x$) [3 markah]
 - (b) Menggunakan skala 2 cm kepada 2 unit rak pada kedua-dua paksi, bina dan lorek rantau R yang memenuhi semua kekangan di atas. [3 markah]
 - (c) Dengan menggunakan graf anda dari (b), cari
 - (i) bilangan minimum rak Q jika bilangan rak P yang dihasilkan ialah 7 unit sehari. (*Jwp*: 4)
 - (ii) jumlah keuntungan maksimum sehari jika keuntungan yang diperolehi dari satu unit rak P ialah RM24 dan dari satu unit rak Q ialah RM 32. (*Jwp* : 720)

[4 markah]
[2006, No.13]

Jawapan :

11 *Gunakan kertas graf untuk menjawab soalan ini.*

Sebuah kilang menghasilkan dua komponen, P dan Q. Pada satu hari tertentu, kilang itu menghasilkan x keping komponen P dan y keping komponen Q. Keuntungan daripada penjualan sekeping komponen P ialah RM15 dan sekeping komponen Q ialah RM12. Penghasilan komponen-komponen itu dalam sehari adalah berdasarkan kekangan berikut :

- I. Jumlah komponen yang dihasilkan adalah selebih-lebihnya 500.
 - II. Bilangan komponen P yang dihasilkan tidak melebihi tiga kali bilangan komponen Q.
 - III. Jumlah keuntungan minimum bagi kedua-dua komponen adalah RM 4200.
- (a) Tulis tiga ketaksamaan, selain $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memenuhi semua kekangan di atas.
(Ans : : $x + y \leq 500$; $3y \geq x$, $5x + 4y \geq 1400$) [3 markah]
- (b) Menggunakan skala 2 cm kepada 50 komponen pada kedua-dua paksi, bina dan lorek rantau R yang memenuhi semua kekangan di atas. [3 markah]
- (c) Gunakan graf di (b), untuk mencari
- (i) bilangan minimum komponen Q jika bilangan komponen P yang dihasilkan pada satu hari tertentu adalah 100. (Jwp : 225)
 - (ii) jumlah keuntungan maksimum dalam sehari. (Jwp : 7125)

[4 markah]
[2007, No.14]

Jawapan :

12 *Gunakan kertas graf untuk menjawab soalan ini.*

Ahli-ahli suatu persatuan belia bercadang untuk mengadakan satu perkelahan. Mereka bersetuju untuk menyewa x buah bas dan y buah van. Sewaan sebuah bas ialah RM800 dan sewaan sebuah van ialah RM300. Sewaan kenderaan bagi perkelahan itu adalah berdasarkan kekangan berikut :

- I. Jumlah kenderaan yang disewa tidak melebihi 8 buah.
 - II. Bilangan bas selebih-lebihnya adalah dua kali bilangan van.
 - III. Peruntukan maksimum untuk sewaan kenderaan ialah RM 4000.
- (a) Tulis tiga ketaksamaan, selain $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memenuhi semua kekangan di atas.
(Jwp : $x + y \leq 8$; $2y \geq x$; $8x + 3y \leq 40$) [3 markah]
- (b) Menggunakan skala 2 cm kepada 1 kenderaan pada kedua-dua paksi, bina dan lorek rantau R yang memenuhi semua kekangan di atas. [3 markah]
- (c) Gunakan graf yang dibina di (b), untuk mencari
- (i) bilangan minimum van yang disewa jika 3 buah bas disewa, (Jwp : 2)
 - (ii) bilangan maksimum ahli yang boleh dimuatkan ke dalam kenderaan yang disewa jika sebuah bas boleh dimuatkan dengan 48 orang penumpang dan sebuah van boleh dimuatkan dengan 12 orang penumpang. (Jwp : 216)

[4 markah]
[2008, No.15]

Jawapan :

13 *Gunakan kertas graf untuk menjawab soalan ini.*

Johan menggunakan x keping jubin kecil dan y keping jubin besar untuk hiasan bilik mandinya. Perbelanjaan hiasan tersebut adalah berdasarkan kekangan berikut :

- I. Jumlah bilangan jubin tidak boleh melebihi 100 keping.
 - II. Bilangan jubin kecil tidak boleh melebihi tiga kali bilangan jubin besar.
 - III. Bilangan jubin besar tidak boleh melebihi 30 bilangan jubin kecil.
- (a) Tulis tiga ketaksamaan, selain $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memuaskan semua kekangan di atas.
(Jwp : $x + y \leq 100$; $3y \geq x$; $y - x \leq 30$) [3 markah]
- (b) Menggunakan skala 2 cm kepada 10 keping jubin pada kedua-dua paksi, bina dan lorek rantau R yang memenuhi semua kekangan di atas. [3 markah]
- (c) Menggunakan graf yang dibina di (b), cari
- (i) bilangan maksimum jubin kecil yang boleh digunakan, (Jwp : 75)
 - (ii) jumlah kos maksimum untuk jubin-jubin itu jika kos bagi sekeping jubin kecil itu ialah RM1.50 dan kos bagi sekeping jubin besar itu ialah RM3.00. (Jwp : 247.5)

[4 markah]
[2009, No.14]

Jawapan :

14 *Gunakan kertas graf untuk menjawab soalan ini.*

Sebuah pusat latihan menawarkan dua kursus, A dan B. Bilangan peserta kursus A ialah x dan bilangan peserta kursus B ialah y . Pengambilan peserta adalah berdasarkan kekangan berikut :

- I. Bilangan maksimum peserta kursus ialah 80.
 - II. Bilangan peserta kursus B adalah sekurang-kurangnya 10.
 - III. Bilangan peserta kursus B selebih-lebihnya adalah $\frac{3}{2}$ kali bilangan peserta kursus A.
- (a) Tulis tiga ketaksamaan, selain $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memenuhi semua kekangan di atas.
(Jwp : $x + y \leq 80$; $y \geq 10$; $y \leq \frac{3}{2}x$) [3 markah]
- (b) Menggunakan skala 2 cm kepada 10 orang peserta pada kedua-dua paksi, bina dan lorek rantau R yang memenuhi semua kekangan di atas. [3 markah]
- (c) Dengan menggunakan graf yang dibina di (b), cari
- (i) bilangan minimum peserta kursus A, (Jwp : 7)
 - (ii) jumlah maksimum kutipan yuran sebulan jika kutipan yuran sebulan bagi seorang peserta kursus A ialah RM 300 dan bagi seorang peserta kursus B ialah RM 400. (Jwp : 28800) [4 markah]
- [2010, No.14]

Jawapan :

15 Guna kertas graf untuk menjawab soalan ini.

Sebuah syarikat memperoleh tender mengecat sebuah bangunan kerajaan. Bangunan itu mesti dicat dengan cat alas dan cat kilat. Bilangan tin cat alas ialah x dan bilangan tin cat kilat ialah y . Kerja-kerja mengecat adalah berdasarkan kekangan berikut :

- I. Bilangan tin cat kilat adalah **tidak** melebihi 2 kali bilangan tin cat alas,
 - II. Bilangan tin cat kilat adalah sekurang-kurangnya $\frac{1}{4}$ daripada bilangan tin cat alas,
 - III. Jumlah masa yang diperuntukkan untuk kerja mengecat adalah selebih-lebihnya 120 jam. Bagi satu tin cat alas, masa mengecat ialah 3 jam manakala bagi satu tin cat kilat, masa mengecat ialah 2 jam.
- (a) Tulis tiga ketaksamaan, selain daripada $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memenuhi semua kekangan di atas. (*Jwp* : $y \leq 2x$, $y \geq \frac{1}{4}x$, $3x + 2y \leq 120$) [3 markah]
- (b) Menggunakan skala 2 cm kepada 5 tin kepada kedua-dua paksi, bina dan lorek rantau R yang memuaskan semua kekangan di atas. [3 markah]
- (c) Guna graf yang dibina di (b), cari
- (i) bilangan minimum tin cat kilat jika bilangan tin cat alas ialah 30. (*Jwp* : 8)
 - (ii) perbelanjaan maksimum untuk cat jika harga cat alas ialah RM 50 setin dan harga cat kilat ialah RM 70 setin. (*Jwp* : 3230)

[4 markah]
[2011, No.15]

Jawapan :

16 *Gunakan kertas graf untuk menjawab soalan ini.*

Seorang tukang kayu membuat dua jenis perabot, meja dan kerusi. Dalam seminggu dia membuat x buah meja dan y buah kerusi. Dia mempunyai modal sebanyak RM 6000. Penghasilan perabot adalah berdasarkan kepada kekangan berikut :

- I. Kos membuat sebuah meja ialah RM80 dan sebuah kerusi ialah RM60.
 - II. Jumlah minimum meja dan kerusi ialah 50 buah.
 - III. Bilangan kerusi mesti sekurang-kurangnya 80% daripada bilangan meja.
- (a) Tulis tiga ketaksamaan, selain $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memenuhi semua kekangan di atas.
(Jwp : $4x + 3y \leq 300$, $x + y \geq 50$, $y \geq \frac{4}{5}x$) [3 markah]
- (b) Menggunakan skala 2 cm kepada 10 perabot pada kedua-dua paksi, bina dan lorek rantau R yang memenuhi semua kekangan di atas. [3 markah]
- (c) Menggunakan graf yang dibina di (b), cari
- (i) bilangan minimum kerusi yang dihasilkan jika 24 meja dihasilkan, (Jwp : 26)
 - (ii) jumlah keuntungan maksimum yang diperolehi jika keuntungan sebuah meja ialah RM 40 dan keuntungan sebuah kerusi ialah RM20. (Jwp : (46, 38) ; 2600)

[4 markah]
[2012, No.15]

Jawapan :

17 *Guna graf yang disediakan untuk menjawab soalan ini.*

Sebuah kedai perkakasan membeli x gergaji besi dan y pahat daripada pemborong. Harga bagi seunit gergaji besi dan seunit pahat masing-masing ialah RM40 dan RM20. Pembelian peralatan tersebut adalah berdasarkan tiga kekangan, dua daripada kekangan itu adalah seperti berikut :

- I. Jumlah peruntukan ialah RM2000.
 - II. Bilangan pahat adalah tidak melebihi 4 kali bilangan gergaji besi.
- (a) Tulis dua ketaksamaan, selain daripada $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memenuhi dua kekangan tersebut.
(Jwp : $2x + y \leq 100, y \leq 4x$) [2 markah]
- (b) Kekangan yang ketiga diwakili oleh rantau berlorek dalam graf yang disediakan. Tulis dalam perkataan bagi kekangan itu.
[1 markah]
- (c) Pada graf, bina dan lorek rantau R yang memenuhi ketiga-tiga kekangan itu [3 markah]
- (d) Menggunakan graf yang dibina di (b), cari
- (i) bilangan minimum pahat jika bilangan gergaji besi ialah 30, (Jwp : 10)
 - (ii) jumlah maksimum bilangan gergaji dan pahat yang boleh dibeli. (Jwp : (17, 66) ; 83)
[4 markah]
- [2016, No.13]

Jawapan :

18 *Guna graf yang disediakan untuk menjawab soalan ini.*

Seorang usahawan ingin menghasilkan dua jenis mainan, P dan Q dengan menggunakan sebuah mesin. Dalam sehari, mesin itu menghasilkan x buah mainan jenis P dan y buah mainan jenis Q . Masa yang diperlukan untuk menghasilkan mainan jenis P ialah 6 minit dan masa yang diperlukan untuk menghasilkan sebuah mainan jenis Q ialah 5 minit. Penghasilan mainan-mainan itu adalah berdasarkan kepada kekangan berikut :

- I. Jumlah mainan yang dihasilkan mesti melebihi 40 unit dalam sehari.
 - II. Mesin itu boleh beroperasi hanya selama 15 jam sehari.
 - III. Nisbah bilangan mainan jenis P kepada bilangan mainan jenis Q ialah selebih-lebihnya 3 : 5.
- (a) Tulis tiga ketaksamaan, selain daripada $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memenuhi semua kekangan di atas. (*Jwp* : $x + y > 40$, $6x + 5y \leq 900$, $y \geq \frac{5}{3}x$)
[3 markah]
- (b) Menggunakan skala 2 cm kepada 20 buah mainan pada kedua-dua paksi, bina dan lorek rantau R yang memenuhi semua kekangan di atas.
[3 markah]
- (c) Menggunakan graf yang dibina di (b), cari julat bagi jumlah jualan yang boleh diperolehi jika harga jualan sebuah mainan jenis P ialah RM5 dan harga jualan sebuah mainan jenis Q ialah RM3. (*Jwp* : $120 < k \leq 625$)
[4 markah]
[2017, No.14]

Jawapan :

19 Guna graf yang disediakan untuk menjawab soalan ini.

Sebuah pusat membeli belah menjual dua jenis pewangi, P dan Q . Harga jualan bagi pewangi P ialah RM400 sebotol dan pewangi Q ialah RM100 sebotol. Seorang promoter, Zie menjual x botol pewangi P dan y botol pewangi Q . Dia akan diberi komisen sebanyak 5% daripada jumlah jualan jika dia berjaya mencapai sasaran berikut :

- I. Jumlah bilangan botol pewangi yang dijual sekurang-kurangnya 50.
 - II. Jumlah jualan minimum adalah RM8000.
- (a) Tulis dua ketaksamaan, selain daripada $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memenuhi semua kekangan di atas. (Jwp : $x + y \geq 50$, $4x + y \geq 80$) [2 markah]
 - (b) Gunakan skala 2 cm kepada 10 botol pada kedua-dua paksi, bina dan lorek rantau R yang memenuhi semua kekangan di atas. [3 markah]
 - (c) Guna graf yang dibina di (b) untuk menjawab soalan-soalan berikut :
 - (i) Cari bilangan minimum botol pewangi P dan pewangi Q yang akan dijual jika bilangan botol pewangi Q yang dijual adalah dua kali bilangan pewangi P . (Jwp : $P = 17$, $Q = 34$)
 - (ii) Tentukan jumlah minimum komisen yang diterima oleh Zie jika dia boleh menjual 35 botol pewangi P . (Jwp : (35, 15) ; 775) [4 markah]

[2018, No.15]

Jawapan :

20 *Gunakan kertas graf untuk menjawab soalan ini.*

Siti ditugaskan untuk menyediakan hadiah sempena Minggu STEM. Dia dikehendaki membeli x set pen dan y set buku nota. Harga bagi satu set pen ialah RM 3 dan harga bagi satu set buku nota ialah RM4. Pembelian hadiah tersebut adalah berdasarkan kekangan berikut :

- I. Jumlah bilangan set pen dan set buku nota mesti melebihi 40.
 - II. Jumlah peruntukan ialah RM400.
 - III. Bilangan set pen melebihi bilangan set buku nota selebih-lebihnya 10.
- (a) Tulis tiga ketaksamaan, selain $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memuaskan semua kekangan di atas.
(Jwp : $x + y > 40, 3x + 4y \leq 400, y \geq x - 10$) [3 markah]
- (b) Menggunakan skala 2 cm kepada 10 set pada kedua-dua paksi, bina dan lorek rantau R yang memenuhi semua kekangan di atas. [3 markah]
- (c) Gunakan graf yang dibina di (b) untuk menjawab soalan-soalan berikut,
- (i) Cari baki minimum peruntukan, jika bilangan set pen yang dibeli adalah sama dengan bilangan set buku nota. (Jwp : (57,57), RM1.00)
 - (ii) Tentukan bilangan maksimum set pen yang boleh dibeli jika Siti membelanjakan RM50 untuk kertas pembalut. (Jwp : 54)

[4 markah]
[2019, No.14]

Jawapan :

21 *Gunakan kertas graf untuk menjawab soalan ini.*

Seorang guru pancaragam sekolah diberi peruntukan RM 800 untuk pengangkutan menyertai pertandingan. Pasukan pancaragam terdiri daripada 80 orang ahli dan 1000 kg alat muzik. Dua jenis van digunakan untuk pengangkutan. Van *A* dapat mengangkut 10 orang dan 500 kg alatan, van *B* dapat mengangkut 20 orang dan 100 kg alatan. Sewa untuk van *A* dan van *B* masing-masing ialah RM100 dan RM80. Dengan menggunakan x untuk mewakili bilangan buah van *A* dan y mewakili bilangan van *B* yang disewa.

- (a) Tulis tiga ketaksamaan, selain $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memuaskan semua kekangan di atas.
(Jwp : $x + 2y \geq 8$; $5x + y \geq 10$; $5x + 4y \leq 40$) [3 markah]
- (b) Menggunakan skala 2 cm kepada 1 van pada kedua-dua paksi, bina dan lorek rantau R yang memuaskan semua kekangan di atas. [4 markah]
- (c) Jika guru menyewa 3 buah van *A*, berapakah baki maksimum peruntukannya ?
(Jwp : 260) [3 markah]

Jawapan :

22 *Gunakan kertas graf untuk menjawab soalan ini.*

Sebuah bengkel perabot mempunyai dua orang pekerja, A dan B, yang menjalankan tugas membuat dan kemudian mengecat meja. Jadual menunjukkan masa yang diambil oleh setiap pekerja untuk proses membuat dan mengecat seunit meja.

Pekerja	Tempoh masa (minit)	
	Membuat	Mengecat
A	105	60
B	120	30

Pada suatu minggu, pekerja A boleh menyiapkan x buah meja, manakala pekerja B boleh menyiapkan y buah meja. Kedua-dua pekerja menjalankan tugas mereka berdasarkan kekangan berikut :

- I. Jumlah masa yang diambil oleh kedua-dua pekerja tidak boleh melebihi 110 jam.
 - II. Jumlah masa minimum bagi kedua-dua pekerja untuk membuat meja ialah 14 jam.
 - III. Bilangan meja yang disediakan oleh A tidak boleh melebihi 20 bilangan meja yang disediakan oleh B.
- (a) Tulis tiga ketaksamaan, selain $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memuaskan semua kekangan di atas.
(Jwp : : $11x + 10y \leq 440$; $7x + 8y \geq 56$, $y \geq x - 20$) [3 markah]
 - (b) Menggunakan skala 2 cm kepada 5 meja pada kedua-dua paksi, bina dan lorek rantau R yang memuaskan semua kekangan di atas. [3 markah]
 - (c) Menggunakan graf yang dibina di (b),
 - (i) Cari julat bilangan meja yang boleh disediakan oleh pekerja B, jika pekerja A boleh menyiapkan 6 buah meja pada suatu minggu tertentu. (Jwp : $2 \leq y \leq 37$)
 - (ii) Keuntungan bagi setiap meja yang dijual ialah RM12. Dengan menganggar bahawa semua meja yang dihasilkan oleh A dan B untuk minggu tersebut telah dijual, cari keuntungan maksimum yang diperolehi. (Jwp : 528) [4 markah]


Jawapan :

KINEMATIK GERAKAN LINEAR

**- ONE PAGE NOTE (OPN)
- LEMBARAN KERJA**

Puan Lai Hoi Yong

ONE PAGE NOTES
“ KINEMATIK GERAKAN LINEAR ”



- IMPLIKASI :**
- kembali / melalui O semula $\rightarrow s = 0$.
 - berada di kiri O / sesaran negatif $\rightarrow s < 0$;
berada di kanan O / sesaran positif $\rightarrow s > 0$.
 - P dan Q bertemu $\rightarrow s_P = s_Q$
 - berhenti seketika / diam seketika / pegun / rehat / tukar arah / berpatah balik / sesaran mi minimum @ maksimum / jarak minimum @ maksimum $\rightarrow v = 0$.
 - bergerak ke arah kiri / halaju negatif $\rightarrow v < 0$;
bergerak ke arah kanan / halaju positif $\rightarrow v > 0$.
 - halaju minimum / maksimum, halaju seragam / laju malar $\rightarrow a = 0$.
 - halaju berkurang / nyahpecutan $\rightarrow a < 0$;
halaju bertambah / memecut $\rightarrow a > 0$.
 - kedudukan awal (s), halaju awal (v), pecutan awal (a) $\rightarrow t = 0$.
 - jarak yang dilalui dalam saat ke- n / pada saat ke- $n = \int_{n-1}^n v dt = |s_n - s_{n-1}|$
 - jumlah jarak yang dilalui oleh zarah dalam n saat yang pertama,
 - (i) jika $v \neq 0$, jumlah jarak $= \int_0^n v dt = |s_n - s_0|$
 - (ii) jika $v = 0$ apabila $t = m$ di mana $0 \leq m \leq n$, jumlah jarak $= \left| \int_0^m v dt \right| + \left| \int_m^n v dt \right|$
 - # 5 saat pertama $\rightarrow t = 0$ hingga $t = 5$
 - # pada saat ke-5 $\rightarrow t = 4$ hingga $t = 5$
 - purata laju = $\frac{\text{jumlah jarak yang dilalui}}{\text{jumlah masa yang diambil}}$

PEMBEZAAN			
$\frac{d}{dx} (k) = 0$	$\frac{d}{dx} (kx) = k$	$\frac{d}{dx} (kx^n) = (nk)x^{n-1}$	$\frac{d}{dx} \left(\frac{k}{x^n} \right) = \frac{-nk}{x^{n+1}}$
$\frac{d}{dx} (2) = 0$	$\frac{d}{dx} \left(\frac{x}{8} \right) = \frac{1}{8}$	$\frac{d}{dx} (-3x^4) = -12x^3$	$\frac{d}{dx} \left(\frac{3}{x^2} \right) = \frac{-6}{x^3}$

PENGAMIRAN		
$\int k dx = kx + c$	$\int kx^n dx = \frac{kx^{n+1}}{n+1} + c$	$\int \frac{k}{x^n} dx = \frac{k}{x^{n-1}[-(n-1)]} + c$
$\int 2 dx = 2x + c$	$\int 5x^2 dx = \frac{5x^3}{3} + c$	$\int \frac{5}{x^3} dx = \frac{5}{x^2(-2)} + c$


TOPIK 8 : KINEMATIKA GERAKAN LINEAR

- 1 Suatu zarah bergerak di sepanjang suatu garis lurus bermula dari satu titik tetap P. Halajunya, $v \text{ ms}^{-1}$, diberi oleh $v = 2t(6 - t)$, dengan keadaan t ialah masa, dalam saat, selepas meninggalkan titik P. Carikan (Anggapkan gerakan ke arah kanan sebagai positif)
- (a) halaju maksimum zarah itu, (Jwp : 18) [3 markah]
 - (b) jarak yang dilalui dalam saat ketiga, (Jwp: $17\frac{1}{3}$) [3 markah]
 - (c) nilai t apabila zarah itu melalui titik P semula, (Jwp : 9) [2 markah]
 - (d) masa di antara zarah itu meninggalkan P dengan masa zarah itu berpatah balik.
(Jwp: 6) [2 markah]

[2004, No.15]

Jawapan :

- 2 Rajah menunjukkan kedudukan dan arah gerakan dua objek, P dan Q, yang bergerak pada suatu garis lurus dan masing-masing melalui dua titik tetap, A dan B. Pada ketika P melalui titik tetap A, Q melalui titik tetap B. Jarak AB ialah 28 m.



Halaju P, $v_p \text{ ms}^{-1}$, diberi oleh $v_p = 6 + 4t - 2t^2$, dengan keadaan t ialah masa dalam saat, selepas melalui A, manakala Q bergerak dengan halaju malar -2 ms^{-1} . Objek P berhenti seketika di titik C. Carikan [Anggapkan gerakan ke arah kanan sebagai positif]

- (a) halaju maksimum, dalam ms^{-2} , bagi P. (Jwp : 8) [3 markah]
 (b) jarak, dalam m, of C dari A, (Jwp: 18) [4 markah]
 (c) jarak, dalam m, antara P dan Q ketika P berada di titik C. (Jwp: 4) [3 markah]
[2005, No.15]

Jawapan :

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

- 3 Suatu, zarah bergerak di sepanjang suatu garis lurus melalui satu titik tetap O. Halajunya, $v \text{ ms}^{-1}$, diberi oleh $v = t^2 - 6t + 5$, dengan keadaan t ialah masa, dalam saat, selepas melalui O.
[Anggapkan gerakan ke arah kanan sebagai positif]

(a) Cari

- (i) halaju awal zarah itu, (Jwp: 5)
(ii) julat masa apabila zarah itu bergerak arah ke kiri, (Jwp: $1 < t < 5$)
(iii) julat masa apabila pecutan zarah itu adalah positif. (Jwp: $t > 3$)
[5 markah]
- (b) Lakarkan graf halaju melawan masa bagi pergerakan zarah itu untuk $0 \leq t \leq 5$. [2 markah]
- (c) Hitung jumlah jarak yang dilalui dalam 5 saat yang pertama selepas melalui O.
(Jwp: 13)

[3 markah]
[2006, No.12]

Jawapan :

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

- 4 Suatu zarah bergerak di sepanjang suatu garis lurus dan melalui titik tetap O. Halajunya, $v \text{ ms}^{-1}$, diberi oleh $v = t^2 - 6t + 8$, dengan keadaan t ialah masa, dalam saat, selepas melalui O. Cari

[Anggapkan gerakan ke arah kanan sebagai positif]

- (a) halaju awal, dalam ms^{-1} , (Jwp : 8) [1 markah]
(b) halaju minimum, dalam ms^{-1} , (Jwp : -1) [3 markah]
(c) julat nilai t ketika zarah bergerak ke arah kiri, (Jwp : $2 < t < 4$) [2 markah]
(d) jumlah jarak, dalam m, yang dilalui oleh zarah dalam 4 saat pertama.
(Jwp : 8) [4 markah]

[2007, No.12]

Jawapan :

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

- 5 Suatu zarah bergerak di sepanjang suatu garis lurus dan melalui satu titik tetap O. Halajunya, v ms⁻¹, diberi oleh $v = 10 + 3t - t^2$, dengan keadaan t ialah masa, dalam saat, selepas melalui O. Zarah itu berhenti seketika di suatu titik R. Cari

[Anggapkan gerakan ke arah kanan sebagai positif]

- (a) pecutan, dalam ms⁻², bagi zarah itu di R, (Jwp : -7) [3 markah]
(b) halaju maksimum, dalam ms⁻¹, bagi zarah itu, (Jwp : $12\frac{1}{4}$) [3 markah]
(c) jumlah jarak, dalam m, yang dilalui oleh zarah itu dalam 9 saat pertama, selepas melalui O. (Jwp : $123\frac{1}{6}$) [4 markah]

[2008, No.12]


Jawapan :

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

- 6 Suatu zarah bergerak di sepanjang garis lurus melalui satu titik tetap O. Halajunya, $v \text{ ms}^{-1}$, diberi oleh $v = 15 + 4t - 3t^2$, dengan keadaan t ialah masa dalam s selepas melalui O.
- (a) halaju awal, dalam ms^{-1} , zarah itu, (Jwp : 15) [1 markah]
- (b) pecutan awal, dalam ms^{-2} , zarah itu, (Jwp : 4) [2 markah]
- (c) halaju maksimum, dalam ms^{-1} , zarah itu, (Jwp : $16\frac{1}{3}$) [3 markah]
- (d) jarak, dalam m, dari O apabila zarah itu berhenti seketika, (Jwp : 36) [4 markah]
[2009, No.15]

Jawapan :

- 7 Rajah menunjukkan suatu garis lurus KOL.



Suatu zarah bergerak di sepanjang suatu garis lurus dan melalui satu titik tetap O. Halajunya, $v \text{ ms}^{-1}$, diberi oleh $v = 8 - 4t$, dengan keadaan t ialah masa, dalam saat, selepas meninggalkan titik O. Zarah itu berhenti seketika di titik L. Cari [Anggapkan gerakan ke arah kanan sebagai positif]

- (a) pecutan, dalam ms^{-2} , zarah itu, (Jwp : -4) [1 markah]
- (b) masa, dalam saat, apabila zarah itu berada di L, (Jwp : 2) [2 markah]
- (c) halaju, dalam ms^{-1} , zarah itu apabila melalui K, (Jwp : -16) [3 markah]
- (d) jumlah jarak, dalam m, yang dilalui oleh zarah itu dari O ke K melalui L. (Jwp : 40) [4 markah]

[2012, No.12]

Jawapan :

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

- 8 Suatu zarah bergerak di sepanjang suatu garis lurus dan melalui satu titik tetap O . Halajunya, $v \text{ ms}^{-1}$, diberi oleh $v = pt^2 + qt$, dengan keadaan p dan q ialah pemalar dan t ialah masa, dalam saat, selepas melalui titik O . Diberi bahawa zarah tersebut berhenti seketika apabila $t = 4 \text{ s}$ dan pecutannya ialah -2 ms^{-2} apabila $t = 1 \text{ s}$. [Anggapkan gerakan ke arah kanan sebagai positif]

Cari

- (a) nilai bagi p dan bagi q , (Jwp : $p = 1, q = -4$) [5 markah]
(b) julat bagi nilai-nilai t apabila zarah bergerak ke kiri, (Jwp : $0 < t < 4$) [2 markah]
(c) jarak, dalam m, yang dilalui oleh zarah pada saat keempat. (Jwp : $1\frac{2}{3}$) [3 markah]

[2014, No.12]

Jawapan :

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

- 9 Suatu zarah bergerak di sepanjang suatu garis lurus dan melalui satu titik tetap O . Halajunya, $v \text{ ms}^{-1}$, diberi oleh $v = pt^2 - 6t$, dengan keadaan p ialah pemalar dan t ialah masa, dalam saat, selepas melalui O . Pecutan zarah itu ialah 18ms^{-2} apabila $t = 3\text{s}$.
[Anggapkan gerakan kea rah kanan sebagai positif]


Cari

- (a) nilai p , (Jwp : 4) [3 markah]
(b) julat masa, dalam saat, apabila halaju zarah itu menyusut, (Jwp : $t < \frac{3}{4}$) [2 markah]
(c) masa, dalam saat, apabila zarah itu berhenti seketika, (Jwp : $\frac{3}{2}$) [2 markah]
(d) jumlah jarak, dalam m, yang dilalui oleh zarah itu dalam 3 saat pertama. (Jwp : $\frac{27}{2} / 13\frac{1}{2}$) [3 markah]

[2016, No.14]

Jawapan :

- 10 Rajah menunjukkan kedudukan awal dan arah pergerakan zarah P dan zarah Q . Kedua-dua zarah mula bergerak serentak.



Halaju bagi zarah P , $v_p \text{ ms}^{-1}$, diberi oleh $v_p = 9t^2 + 10$ dan sesaran bagi zarah Q , $s_Q \text{ m}$, dari titik L diberi oleh $s_Q = 3t^3 - t$, dengan keadaan t ialah masa, dalam saat, selepas zarah P melalui O dan zarah Q melalui titik L .

- (a) Cari halaju awal, dalam ms^{-1} , bagi zarah Q , (Jwp : -1) [2 markah]
- (b) Cari jumlah jarak, dalam m, yang dilalui oleh zarah Q dalam 2 saat pertama. (Jwp : $22\frac{4}{9}$) [4 markah]
- (c) Hitung jarak, dalam m, bagi zarah-zarah itu dari titik L apabila zarah P dan zarah Q bertemu. (Jwp : 2) [4 markah]
- [2017, No.12]**

Jawapan :

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

- 11** Suatu zarah bergerak pada satu garis lurus melalui satu titik tetap O , dengan halaju 24ms^{-1} . pecutannya, $a\text{ ms}^{-2}$, t s selepas melalui O ialah $a = 10 - 2t$. Zarah itu berhenti selepas k s.
- (a) Carikan
- (i) halaju maksimum zarah itu, (Jwp : 49)
 - (ii) nilai k . (Jwp : 12)
- [6 markah]
- (b) Lakarkan graf halaju-masa untuk $0 \leq t \leq k$.
Seterusnya, atau dengan cara lain, hitungkan jumlah jarak yang dilalui dalam tempoh masa itu.
(Jwp : 432) [4 markah]
- [2003, No.12]**

Jawapan :

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

- 12** Satu zarah bergerak di sepanjang suatu garis lurus dengan keadaan pecutannya, $a \text{ ms}^{-2}$, diberi oleh $a = 10 - 2t$, dengan keadaan t ialah masa, dalam saat, selepas melalui satu tetap O. Halaju awal zarah itu ialah -16 ms^{-1} . Cari [Anggapkan gerakan ke arah kanan sebagai positif]
- (a) halaju maksimum, dalam ms^{-1} , zarah itu, (Jwp : 9) [4 markah]
- (b) julat nilai t ketika zarah itu bergerak ke kanan, (Jwp : $2 < t < 8$) [2 markah]
- (c) jumlah jarak, dalam cm, yang dilalui oleh zarah itu dalam 6 saat pertama. (Jwp : $41\frac{1}{3}$) [4 markah]

[2010, No.12]

Jawapan :

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

- 13** Suatu zarah bergerak di sepanjang suatu garis lurus dengan halaju awal 5 ms^{-1} . Pecutannya, $a \text{ ms}^{-2}$, diberi oleh $a = 9 - 4t$, dengan keadaan t ialah masa, dalam saat, selepas melalui titik tetap O. Cari
- (a) masa, dalam saat, ketika pecutannya sifar, (Jwp : $\frac{9}{4}$) [1 markah]
- (b) halaju maksimum, dalam ms^{-1} , bagi zarah itu, (Jwp : $15\frac{1}{8}$) [3 markah]
- (c) masa, dalam saat, apabila zarah berhenti seketika, (Jwp : 5) [2 markah]
- (d) jumlah jarak, dalam m, yang dilalui oleh zarah itu dalam 6 saat pertama. (Jwp : $60\frac{1}{3}$) [4 markah]
- [2011, No.12]**

Jawapan :

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

- 14 Dua zarah P dan Q bergerak di sepanjang suatu garis lurus dengan keadaan sesaran zarah-zarah itu dari titik tetap O ialah s m. Zarah P mula bergerak dari A dengan $s_P = 10 + 8t - 8t^2$ dan pada masa yang sama zarah Q mula bergerak dari B dengan $s_Q = 6t^2 - 9t - 12$ dengan keadaan t ialah masa, dalam saat, selepas kedua-dua zarah mula bergerak.
- (a) Cari jarak, dalam m, antara A dan B . (Jwp : 22) [2 markah]
- (b) Cari masa, dalam saat, apabila kedua-dua zarah itu berselisih. (Jwp : 2) [3 markah]
- (c) Hitung jumlah jarak, dalam m, yang dilalui oleh zarah P apabila kedua-dua zarah itu berselisih. (Jwp : 20) [5 markah]

[2018, No.12]

Jawapan :

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

- 15** Sebuah objek dilontarkan secara menegak ke atas dari pinggir bumbung sebuah bangunan yang tingginya 48m dari aras tanah. Sesaran objek itu, x m, dari bumbung bangunan, diberi oleh $x = 8t - 5t^2$ dengan t ialah masa dalam s . Carikan
- (a) jarak tertinggi yang dicapai objek tersebut dari aras tanah, (Jwp : $51\frac{1}{5}$ m) [5 markah]
- (b) masa dan halaju ketika objek itu mencecah tanah. (Jwp : -32 ms^{-1}) [5 markah]

Jawapan :

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

- 16** Satu zarah P bergerak di sepanjang suatu garis lurus melalui satu titik tetap O . Sesarannya, s m, dari O diberi oleh $s = 11 + 6t^2 - t^3$ dengan t ialah masa dalam saat selepas melalui O . Carikan
- (a) jarak maksimum, dalam m, bagi P dari O , (Jwp : 43 m) [3 markah]
 - (b) halaju maksimum, ms^{-1} , bagi P, (Jwp : 12 ms^{-1}) [4 markah]
 - (c) halaju purata P dalam 2 saat yang pertama. (Jwp : 8 ms^{-1}) [3 markah]

Jawapan :

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

- 17 Suatu zarah bergerak di sepanjang garis lurus melalui satu titik tetap O . Halajunya, v m s⁻¹, diberi oleh $v = pt^2 + qt - 16$, dengan keadaan t ialah masa, dalam saat, selepas melalui O , p dan q adalah pemalar. Zarah itu berhenti seketika apabila ia berada 64 m sebelah kiri O pada ketika $t = 4$. Cari [Assume motion to the right is positive.]
- (a) nilai p dan nilai q , (Jwp : $p = 3, q = -8$) [5 markah]
(b) pecuatan zarah itu apabila ia berhenti untuk seketika momentarily, (Jwp : 16) [2 markah]
(c) jumlah jarak yang dilalui pada saat ketiga. (Jwp : 17) [3 markah]

Jawapan :

- 18** Satu zarah bermula daripada rehat pada titik tetap O , bergerak sepanjang suatu garis lurus dengan halaju, $v \text{ m s}^{-1}$. Diberi $v = t(a - bt)$ dengan keadaan t ialah masa, dalam saat, selepas permulaan gerakannya, manakala a dan b ialah pemalar. Zarah itu berhenti seketika apabila $t = 2 \text{ s}$ dan jaraknya pada ketika itu ialah 4 m sebelah kanan titik O . Cari
(Anggapkan pergerakan arah ke kanan sebagai positif.)
- (a) nilai a dan nilai b . (Jwp : $a = 6, b = 3$) [4 markah]
- (b) nilai t apabila zarah itu melalui O semula, (Jwp : 3) [2 markah]
- (c) jumlah jarak yang dilalui oleh zarah itu dalam masa 3 saat pertama. (Jwp : 8) [3 markah]

Jawapan :

MODUL TINGKATAN 5 MATEMATIK TAMBAHAN (3472)

- 19** Suatu zarah bergerak di sepanjang suatu garis lurus melalui satu titik tetap O dengan halaju 20 ms^{-1} . Pecutannya, $a \text{ ms}^{-2}$, diberi oleh $a = 11 - 6t$, dengan keadaan t ialah masa, dalam saat, selepas melalui O.
- (a) Carikan halaju maksimum, dalam ms^{-1} , zarah itu, (Jwp : $\frac{361}{12}$) [3 markah]
- (b) Hitung jarak, dalam m, yang dilalui oleh zarah itu dalam saat ketiga, (Jwp : $28\frac{1}{2}$) [3 markah]
- (c) Hitungkan masa yang diambil untuk mencapai jarak maksimum dari O dalam arah pergerakan yang asal. (Jwp : 5) [2 markah]
- (d) Lakarkan graf halaju-masa bagi pergerakan zarah itu untuk $0 \leq t \leq 5$. [2 markah]

Jawapan :

JAWAPAN LEMBARAN KERJA

1) Boleh dilihat atau dimuat turun melalui pautan ini:

bit.ly/MTWORKHEETANSWERF5

atau

2) Scan Kod QR ini:



PENGHARGAAN

AHLI PANEL

- | | | |
|-----|--|------------------------------|
| 1) | Lee Chiong Tee
(Penyelaras/Ketua Zon 2) | SM St Peter, Telipok |
| 2) | Dr. Ma Chi Nan
(Ketua Zon 1) | SM St Michael, Penampang |
| 3) | Peter Wong Yung Ming
(Ketua Zon 3) | Sekolah Tinggi Kota Kinabalu |
| 4) | Norfadzilah Lee
(Ketua Zon 4) | SMJK Tiong Hua, Sandakan |
| 5) | Ong Choon Keat
(Ketua Zon 5) | SM St John, Tuaran |
| 6) | Hafizi Fazli Bakar
(Ketua Zon 6) | SMK Kemabong, Tenom |
| 7) | Rayner Doukim | SMK Tandek, Kota Marudu |
| 8) | Patrick Tan | SMK Tandek, Kota Marudu |
| 9) | AK Sapri Yaakub | SMK Menumbok, Kuala Penyu |
| 10) | Tan Woon Shin | SMK St Paul, Beaufort |
| 11) | Mohd Salleh Ambo | SMK Terusan, Lahad Datu |
| 12) | Mohd Zulkarnain bin Zulkifli | SMK Pamol, Beluran |
| 13) | Adry Colodius | SMK Nabawan, Pensiangan |
| 14) | Elbenjoe Wesmin | SMK Pinggan-Pinggan, Pitas |
| 15) | Nadzrinah binti Ahmad | SMK Pitas 2, Pitas |
| 16) | Suhairul bin Hadlee | SMKA Mohamad Ali, Ranau |
| 17) | Lai Hoi Yong | SMK Elopura, Sandakan |
| 18) | Sandra Chong Ket San | SMK Sandakan |
| 19) | Hartono bin Josead | SMK Pengiran Omar, Sipitang |
| 20) | Jamaliah Mohd. Elmi | SMK Tamparuli, Tuaran |
| 21) | Dennis Chua Ah Thin | SMK Pekan Telipok, Tuaran |

"Success is not final; failure is not fatal: It is the courage to continue that counts"

-BLANK-